



SELANGOR

PERCUMA 27 Oktober - 3 November 2017, 7 - 14 Safar 1439

www.selangorkini.my Media_Selangor

tvS selangortv.my MediaSelangor



UPAYA PENDIDIKAN BERKUALITI

Kerajaan Negeri bakal memperkenalkan beberapa inisiatif baru bagi kemajuan bidang pendidikan, di Selangor dalam Belanjawan 2018

BERITA PENUH MUKA 3 & 10

Tingkat prasarana maahad tahfiz



5

Tuah anak Selangor



Sudahkah Anak Anda Mendapat Manfaat Dari TAWAS? 11

Kemajmukan Selangor lebih 200 tahun



15

Tuisyen Percuma Atas Talian 免費线上补习

திகழ்தினை இயலாச பவிற்சி வகுப்புகள்
Portal and content powered by ITTV Education



24/7
PENTILIAHAN

www.smartselangorfree tuition.com

Tuition Online 在线补习
திகழ்தினை பவிற்சி வகுப்புகள்



SEBARANG PERTANYAAN SILAH HUBUNGI KYKASAN SELANGOR - 媒體問訊處 - 有關教育服務查詢請電 03-7669 1154 (EN. FAUZANI) / 03-7669 1118 (EN. SYAIFUDDIN) / 03-7955 1212

Isu Interpol - Jho Low skandal 1MDB

Heret Zahid Hamidi 'U-Turn'

OLEH ERMIZI MUHAMAD

KUALA LUMPUR - Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali akan berbingcang dengan Ahli Parlimen Pakatan Harapan berhubung tindakan seterusnya terhadap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi apabila "U-turn" berkaitan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan Interpol.

Mohamed Azmin yang juga Ahli Parlimen Gombak berkata, hal itu termasuk kemungkinan merujuk Zahid kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen.

Beliau mempersoalkan tindakan Zahid

apabila gagal menjawab persoalan mudah berkenaan skandal 1MDB itu serta cuba memanipulasi kenyataan asal dikeluarkan di Parlimen, pada 23 Oktober lalu.

"Persoalannya, bagaimana Zahid boleh menyatakan dalam kenyataan terkini kes itu sudah ditutup sedangkan laporan akhir masih belum diterima?

"Dalam tempoh kurang 24 jam, Zahid membuat kenyataan "U-turn. Ia sepatutnya satu soalan mudah TPM untuk menjawab pertanyaan saya secara tepat di Parlimen," katanya di perkarangan Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur, pada 24 Oktober lalu.

Mohamed Azmin di laman media sosial Twitter berkata, cubaan Zahid memutar be-



litkan fakta tidak berhasil.

Dalam *tweet* seterusnya, Mohamed Azmin juga bertanya sama ada Zahid "dimarahi" oleh "bosnya"

Terdahulu, Mohamed Azmin mengemukakan surat tuntutan kepada Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Khalid Abu Bakar

supaya polis menahan dan membawa pulang Jho Low ke Malaysia.

Bagaimanapun, permohonan berkenaan ditolak mahkamah tinggi selepas hakim membenarkan bantahan awal dikemukakan Pejabat Peguam Negara yang mewakili polis.



Jangan pinggir golongan bawah, sederhana

SHAH ALAM - Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) berharap Bajet 2018 memberi lebih inisiatif kepada golongan berpendapatan sederhana (M40) dan bawahan (B40), bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, seperti dijangka, bajet Kerajaan Persekutuan lebih bersifat 'bajet pilihan raya' untuk memancing undi, namun menegaskan pengagihan hasil perlu dilakukan secara sistematik.

"Kali ini kita mengharapkan golongan M40 juga diberi tum-

puan kerana mereka menghadapi masalah sama seperti kumpulan B40.

"Kerajaan boleh menggunakan pendekatan memberi pengurangan cukai pendapatan dan pelepasan cukai bagi golongan tertentu," katanya kepada SelangorKini.

Yusof berkata, pengumuman Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) paling dinantikan setiap kali pembentangan bajet tetapi beliau mengharapkan pengagihan secara berperingkat itu diberikan dalam bentuk modal supaya rakyat boleh menambah pendapatan isi rumah.

"BR1M perlu diagihkan secara sistematik. Jika dahulu RM1,200 diberikan secara tiga peringkat, FOMCA berpandangan lebih baik ia diberi dalam bentuk wang tunai dan kupon makanan yang boleh ditebus, di kedai tertentu atau simpanan amanah saham.

"Jika dahulunya ada cadangan wang BR1M digunakan membeli kereta Proton Iriz untuk rakyat buat Uber, mungkin bagi tahun hadapan wang itu boleh diberikan menerusi pakej pembelian kendera saji (*food truck*) supaya mereka boleh berniaga dan menambah pendapatan," katanya.

Data pengundi hilang masih 'misteri'

KUALA LUMPUR - Butiran 136,272 data pengundi Selangor yang didakwa sudah dihapuskan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menimbulkan keraguan terhadap kredibiliti agensi itu.

Exco Kerajaan Negeri, Elizabeth Wong tidak menolak kemungkinan data berkenaan masih lagi disimpan agensi terbabit, namun tidak didedahkan kepada umum bagi tujuan tertentu.

"Setakat ini, jumlah pengundi melebihi 130,000 yang hilang itu sangat misteri. Jadi kita kekal percaya data itu masih bersama SPR.

"Di pihak Kerajaan Negeri, kita mahukan data berkenaan bagi mengetahui status pengundi untuk tujuan analisis di Kerajaan Negeri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri perbicaraan permohonan semakan kehakiman berhubung persempadan semula oleh SPR di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, pada 24 Oktober lalu.

Terdahulu, Kerajaan Selangor memfailkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran mencabar cadangan persempadan-

an semula kawasan pilihan raya Parlimen dan negeri, di Selangor oleh SPR.

Permohonan terbabit dibuat bagi mendapatkan perisytiharan bahawa notis disiarkan tidak mempunyai butiran terperinci iaitu pemilih biasa, Pihak Berkuasa Tempatan atau Kerajaan Negeri tidak boleh melaksanakan hak mereka untuk membuat representasi.

Permohonan difailkan selepas SPR didapati bertindak dengan tidak mengikut Perlembagaan, tidak wajar dan tidak rasional berlandaskan Perkara 113 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Sebelum ini, Mahkamah Persekutuan mengenyepkan permohonan Kerajaan Negeri menuntut SPR mengemukakan data 136,000 pengundi yang didakwa dimusnahkan.

Selain itu, mahkamah turut menolak permohonan Kerajaan Negeri membabitkan laporan dokumen asal yang digunakan untuk mendaftarkan diri pengundi dan aplikasi perisian komputer, Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang digunakan dalam persempadanan semula, di Selangor.

Pakatan kesal Speaker tolak soalan 1MDB

SHAH ALAM - Pemimpin Pakatan Harapan kesal dengan tindakan Tindakan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia yang menolak lebih 10 soalan berkenaan skandal 1MDB.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail berkata, tindakan itu jelas memperlihatkan cubaan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memperalatkan institusi

Parlimen, khususnya berkaitan isu penuh kontroversi itu.

"Ini percubaan terkini kerajaan Barisan Nasional pimpinan Najib menyembunyikan dan menggelapkan situasi sebenar 1MDB daripada umum.

"Ia mengulangi tindakan sama, pada sesi sidang lalu dengan hampir 30 soalan ahli parlimen berkait skandal 1MDB ditolak atas alasan tidak munasabah," katanya

lapor MalaysiaKini.

Turut hadir pada sidang media itu adalah Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad; Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua; Ahli Parlimen Sepang Hanipa Maidin; Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul dan Ahli Parlimen Kapar, G Manivanan.

Sementara itu, Johari menyifatkan tindakan Speaker meng-

kategorikan soalnya yang ingin tahu wang 1MDB berjumlah AS\$1.83 bilion sudah dibawa pulang ke negara sebagai 'rahsia' amat melucukan.

"Saya tanya itu sahaja, wang berkenaan dibawa balik atau tidak. Jawapannya, sesuatu pertanyaan itu tidak boleh meminta keterangan berkenaan apa-apa perkara rahsia. Rahsia juga," katanya.

Susulan penolakan itu juga,

ahli parlimen pembangkang mengemukakan usul di bawah Peraturan 99 Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi menyemak dan menentang keputusan Speaker.

Usul terbabit turut ditandatangani lebih 60 ahli parlimen KEADILAN, DAP, AMANAH, PPBM dan WARISAN.

Namun, usul itu juga ditolak tanpa alasan.

OLEH HAFIZAN TAIB

Belanjawan 2018

Inisiatif baru pendidikan bakal diperkenalkan

BANDAR SERI PUTRA - Kerajaan Negeri bakal memperkenalkan beberapa inisiatif baru bagi kemajuan bidang pendidikan, di Selangor dalam Belanjawan 2018 yang akan dibentangkan, pada 3 November ini.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kerajaan Negeri sentiasa memberi keutamaan kepada pendidikan kerana ia adalah salah satu sektor penting untuk dibangunkan, di Selangor.

"Pada dasarnya, ia berkaitan prinsip peduli siswa dan institusi pengajian yang menjadi teras dalam belanjawan itu nanti.

"Saya akan memaklumkan beberapa inisiatif baru untuk memajukan pendidikan di Selangor," katanya selepas Majlis Konvokesyen ke-20 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), pada 21 Oktober lalu.

Beliau berkata, dalam beberapa perbincangan bersama pengurusan KUIS dan Universiti Selangor (UNISEL), Kerajaan Negeri turut mencadangkan diwujudkan 'endowment fund' (dana sumbangan) di kedua institusi pengajian tinggi itu demi kemajuannya, pada masa depan.

"Ia memang menjadi amalan di universiti terkemuka dunia

kerana tidak mungkin kerajaan dapat terus memberikan sokongan dan peruntukan.

"Maka, sumbangan daripada komuniti dan alumni amat penting untuk memajukan sesebuah universiti.

"Dalam konteks Islam, kita juga mahu KUIS menjadi sebuah universiti wakaf dengan mendapat perolehan melalui sumbangan daripada umat Islam dan pihak lain," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan permohonan pengurusan KUIS supaya pinjaman mudah diberikan kepada institusi pengajian itu ditukarkan kepada geran.

"Dengan pertukarannya, KUIS tidak perlu membayar semula pinjaman.

"Berdasarkan pencapaian kewangan Kerajaan Negeri ketika ini, kita akan mempertimbangkan sebaiknya," katanya.



Mohamed Azmin hadir menyempurnakan Majlis Konvokesyen ke-20 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), pada 21 Oktober lalu

Pembangunan pendidikan tinggi diutamakan

BANDAR SERI PUTRA - Institusi pengajian tinggi di bawah Kerajaan Negeri sentiasa mendapat sokongan bagi pembangunan pendidikan dan melahirkan graduan berkemahiran tinggi.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kemajuan pendidikan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) amat membanggakan dan ia menarik perhatian kira-kira 10,000 pelajar untuk mengikuti pengajian, di kolej berkenaan.

"Kerajaan Negeri memberi sokongan kepada pembangunan institusi pengajian tinggi, khususnya KUIS dan Universiti Selangor

(UNISEL) yang kita miliki.

"Saya mengumumkan beberapa insentif yang telah dan akan diberi serta melihat KUIS mampu melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi.

"Kita sudah memberi pandangan kepada pengurusan KUIS supaya skop pengajaran mereka boleh diperluaskan bersesuaian permintaan industri, pada masa ini selaras landasan Kerajaan Negeri membangunkan Selangor sebagai 'Regional Smart State,' katanya selepas Majlis Konvokesyen ke-20 KUIS.

Pada masa ini, beliau berkata, graduan dilahirkan KUIS bukan

setakat mempunyai kemahiran dalam pendidikan agama tetapi bidang lain dan ia satu perkembangan cukup baik.

Maka dengan itu, katanya, Kerajaan Negeri memberi insentif kepada pelajar cemerlang supaya ia menjadi dorongan kepada mereka untuk terus maju.

Dalam majlis itu, Mohamed Azmin mengumumkan pemberian insentif bagi Anugerah DYMM Sultan Selangor sebanyak RM10,000, manakala Anugerah Dato' Menteri Besar Selangor dari RM3,000 dinaikkan kepada RM8,000.

Seramai 1,843 graduan menerima ijazah dan diploma dalam majlis konvokesyen itu.

Pelajar Terbaik menerima Anugerah DYMM Sultan Selangor ialah Muhammad Haneef Zuleffendi, 26, iaitu graduan Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam (Perbankan) (Kepujian).

Manakala graduan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai bahasa kedua (Kepujian) diterima Muhammad Awan Noor Azman.

Turut hadir, Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains & Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahyia serta Rektor KUIS, Prof Dato' Dr Ab Halim Tamuri.

RM1.2 bilion lagi pelaburan baharu Jepun

GOMBAK - Selangor bakal menerima prospek lanjutan pelaburan baharu Jepun ekoran pertumbuhan baik dicatatkan ekonomi negeri, di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan kini.

Khabar gembira itu disampaikan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menerusi pertemuan rasmi delegasi Jepun di Selangor, baru-baru ini.

Beliau berkata, pelaburan baharu itu meliputi aspek pembangunan berteknologi tinggi yang bakal membuka peluang ekonomi lebih baik kepada golongan belia, di Selangor.

"Perbincangan sudah berjalan dan keputusan diambil, di peringkat Kerajaan Negeri membabitkan pelaburan berteknologi tinggi bernilai RM1.2 bilion.

"Kini, kita sedang meneliti kandungan akhir perjanjian antara Kerajaan Negeri dan syarikat berkenaan.

"Kita akan umumkan perkara ini dalam masa terdekat dengan pelaburannya dijalankan, di Kuala Langat," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita, pada Program Penyampaian Bantuan kepada warga Parlimen Gombak dan Bukit Antarabangsa, di perkarangan Masjid Al-Mardhiyah Fasa 5, Taman

Perbincangan sudah berjalan dan keputusan diambil, di peringkat Kerajaan Negeri membabitkan pelaburan berteknologi tinggi bernilai RM1.2 bilion

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Melawati, pada 21 Oktober lalu.

Terdahulu, kerancangan kemasyarakatan pelaburan dari Jepun membuktikan ekonomi Selangor masih kukuh selain menjadi destinasi pilihan pelaburan jangka panjang walaupun iklim kewangan dunia dilihat tidak menentu.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud berkata, pada tahun lalu, Jepun merupakan pelabur keempat terbesar negara meliputi pelbagai bidang antaranya sektor pembuatan membabitkan 53 projek dengan nilai pelaburan RM1.9 bilion.

Katanya, pelaburan itu sekaligus mewujudkan kira-kira 4,390 peluang pekerjaan, pada masa akan datang, khususnya kepada rakyat.



Tolak politik maki hamun

Rakyat mahu pembelaan

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA SELANGOR - Rakyat semakin mual dengan tindakan sesetengah pihak yang mengamalkan politik tidak bernilai, maki hamun dan mencetuskan ketegangan dalam masyarakat demi memastikan kelangsungan politik mereka.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, rakyat hari ini sedang tertekan dengan peningkatan kos sara hidup dan memerlukan pembelaan sewajarnya.

"Kita sedang berlumba membuat kebaikan seperti diperintahkan Allah, bukan berlumba memfitnah dan budaya samseng.

"Rakyat memerlukan pembelaan dan saya bersama pimpinan berikrar, tanggungjawab yang sedang kami galas ini akan dilaksanakan dengan jujur, ikhlas dan

berintegriti demi mengangkat martabat umat serta rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) daerah Kuala Selangor, di Masjid Darussalam, Kampung Bukit Kuching Jeram, pada 21 Oktober lalu.

Bagaimanapun Mohamed Azmin berkata, usaha Kerajaan Negeri membantu rakyat menerusi pelbagai program cuba ditenggelamkan media kawalan Umno-BN dengan memaparkan pelbagai fitnah memburukkan pentadbiran Selangor.

"Pembobongan dan fitnah seperti ini tidak akan kekal kerana saya dan kepimpinan sentiasa turun ke bawah memastikan setiap kampung serta desa turut menikmati kekayaan hasil negeri," katanya.



Mohamed Azmin beramah mesra dengan warga kampung, pada Majlis Perasmian Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) daerah Kuala Selangor



Mohamed Azmin menyampaikan sumbangan kepada individu yang layak, di perkarangan Masjid Al-Mardhiyah Fasa 5, Taman Melawati

DUN Bukit Antarabangsa terima RM148,000

GOMBAK - Sebanyak RM148,000 diperuntukkan Kerajaan Negeri sebagai inisiatif bantuan kepada 66 individu membolehkan masyarakat awam, agensi tempatan, institusi keagamaan masjid dan surau, di bawah Parlimen Gombak serta DUN Bukit Antarabangsa.

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, di perkarangan Masjid Al-Mardhiyah Fasa 5, Taman Melawati, pada 21 Oktober lalu.

Mohamed Azmin dalam ucapan perasmian berkata, sumbangan diberi sebagai inisiatif dan komitmen Kerajaan Negeri

terhadap keperluan masyarakat, di bawah Parlimen dan DUN berkenaan.

"Bantuan ini adalah tanggungjawab saya mengembalikan kekayaan negeri kepada rakyat menerusi agihan dan inisiatif peduli rakyat daripada Kerajaan Negeri.

"Pastinya komitmen ini sudah menjadi kelaziman dan aktiviti harian saya, di peringkat Kerajaan Negeri dalam memastikan masyarakat memerlukan dibantu dalam segenap aspek," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri kekal konsisten melaksanakan komitmen inisiatif peduli rakyat

dalam membantu meningkatkan keperluan ekonomi masyarakat seluruh negeri.

Katanya, ia termasuk pelaksanaan 42 program di bawah inisiatif peduli rakyat yang dijayakan sejak menerajui kepimpinan negeri.

"Saya percaya peningkatan kos (kehidupan) kini semakin meningkat dan menjadi lebih sukar apabila Kerajaan Persekutuan memotong pelbagai peruntukan.

"Namun, di peringkat Kerajaan Negeri dengan kemampuan terhadap, kita akan terus menumpukan aspek pembangunan dalam Belanjawan Negeri 2018 kali ini," katanya.

Kampung Ijok dinobatkan Kampung Tradisi Terbaik

KUALA SELANGOR - Kampung Ijok, Kuala Selangor berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM70,000 selepas dinobatkan sebagai Kampung Tradisi Terbaik Selangor 2017.

Pertandingan membolehkan kampung tradisi seluruh Selangor itu turut menyaksikan Kampung Sijangkang, Kuala Langat memenangi tempat kedua dan tempat ketiga menjadi milik Kampung Parit 7 Baroh, Sabak Bernam dengan masing-masing menggon-dol hadiah wang tunai RM15,000 dan RM10,000.

Sementara itu, Kampung Sungai Buah Sepang turut meraih hadiah wang tunai RM50,000 apabila menjuarai kategori Inovasi Desa Terbaik Selangor 2017.

Hadiah disampaikan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, pada Majlis Perasmian Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) daerah Kuala Selangor dan

Penyampaian Anugerah Kampung Tradisi Terbaik dan Inovasi Desa Terbaik Selangor 2017, di Masjid Darussalam, Kampung Bukit Kuching Jeram, pada 21 Oktober lalu.

Sebelum itu, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, program 3K bagi peringkat daerah Kuala Selangor merupakan program 3K terakhir bagi tahun ini.

"Sejak kali pertama program ini diadakan pada 2015, ia berjaya meliputi 27 DUN dalam sembilan daerah, di Selangor.

"Bagi tahun ini sahaja, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM630,000 dengan setiap program membelanjakan RM70,000," katanya.

Katanya, program 3K berdasarkan tema seperti dititahkan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.



Sultan Selangor, Tengku Permaisuri ke Mekah

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, berkenan berangkat ke Tanah Suci Mekah, pada 20 Oktober lalu.

Makluman berhubung keberangkatan baginda disiarkan DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah menerusi laman Facebook miliknya.

"Beta mendoakan keberangkatan ayahanda dan Tengku Permaisuri Selangor ke Tanah Suci Mekah penuh kesejahteraan dan segala urusan dipermudah Illahi.

"Semoga Allah memberkati setiap lang-

kah dan mengurniakan hidayah serta petunjuk seperti yang Dia limpahkan kepada hambaNYA yang soleh," titah baginda.

Sultan Selangor dan Tengku Permaisuri Selangor berangkat ke Tanah Suci Mekah bagi menunaikan ibadah umrah.

Tengku Amir Shah turut menyatakan pemergian baginda berdua diiringi doa daripada rakyat dengan harapan Selangor terus diberkati di bawah pemerintahan Sultan Selangor.

"Semoga kemakmuran dan pembangunan negeri bertuah ini terus dikecapi dan dinikmati rakyat. Amin Ya Rabbal Alamin," titah baginda.



Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan isteri, Datin Seri Shamshida Taharin serta pimpinan Kerajaan Negeri yang lain turut hadir mengucapkan selamat berangkat kepada Sultan Selangor dan Tengku Permaisuri Selangor

Belanjawan 2018

Sedia bantu maahad tahfiz



Kerajaan Negeri komited memastikan aspek keselamatan dan keselesaan maahad tahfiz di Selangor ditingkatkan

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA SELANGOR - Percambahan jumlah Maahad Tahfiz, di Selangor yang mencecah 226 buah mendorong Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada perkembangan institusi itu dalam Belanjawan 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hal itu ekoran sebahagian besar maahad tahfiz masih berada dalam keadaan tidak memuaskan dan memerlukan pembelaan Kerajaan Negeri.

"Kita bertanggungjawab memastikan keselamatan anak dan warga pendidik dalam maahad tahfiz yang sebahagian besarnya dalam keadaan uzur serta memerlukan pembelaan.

"Dalam Belanjawan 2018 ini, kita akan mengumumkan beberapa bentuk bantuan bagi menaik taraf maahad tahfiz persendirian di Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian pada

Majlis Perasmian Karnival Kampung Kesayanganku (3K) daerah Kuala Selangor dan Penyampaian Anugerah Kampung Tradisi Terbaik dan Inovasi Desa Terbaik Selangor 2017, di Masjid Darussalam, Kampung Bukit Kuching Jeram, di sini, pada 21 Oktober lalu.

Sementara itu, ketika menyentuh peruntukan bagi pembangunan institusi Islam bagi 2017, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan hampir RM300 juta dan ia merupakan jumlah terbesar setakat ini.

Katanya, institusi Islam seperti masjid merupakan nadi penting bagi usaha membangunkan ketamadunan Islam seperti dihasratkan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Kita mahu menjadi umat yang kuat, gagah, berilmu, berakhlak dan berkemahiran supaya dapat bersaing dengan dunia yang semakin mencabar hari ini," katanya.

Sedia biayai huffaz lanjut pelajaran

KUALA SELANGOR - Kerajaan Negeri bersedia membiayai pengajian pelajar tahfiz atau huffaz di negeri itu yang mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau juga meminta Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menyediakan program bagi membolehkan golongan terbabit mengikuti pendidikan aliran perdana.

"Bagaimana masa depan mereka jika tidak dapat pembelaan dan tempat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sedangkan anak ini mempunyai pemikiran yang cukup baik.

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

"UNISEL dicadangkan supaya memulakan program memberi peluang kepada pelajar maahad tahfiz mengikuti kurikulum untuk menduduki peperiksaan SPM kerana apabila berjaya, mereka dapat peluang memasuki institusi pengajian tinggi," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, golongan profesional yang memiliki pengetahuan mendalam berkenaan al-Quran merupakan aset penting untuk masa depan Selangor.

Bagaimana masa depan mereka jika tidak dapat pembelaan dan tempat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sedangkan anak ini mempunyai pemikiran yang cukup baik

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

PENGARANG KUMPULAN: Mohsin Abdullah

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umr: hayati@mediaselangor.com,

Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com

Sabirah Aziz: maizaitul@mediaselangor.com

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN:

Budi Setyawan: budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

Nadhras Azlan: nadhras@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 117)

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Isu denggi

Persekutuan wajar bantu

OLEH HAFIZAN TAIB

BANDAR SERI PUTRA - Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyambut baik cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, supaya Kerajaan Persekutuan membantu menangani isu denggi di Selangor.

Dato' Menteri Besar itu berkata, Kerajaan Persekutuan sewajarnya membantu Kerajaan Negeri dalam isu pembangunan bersesuaian dengan status Selangor sebagai penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu kira-kira 23 peratus.

"Itu adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk membantu.

"Sudah tentu harapan kita supaya sebahagian daripada apa disumbangkan (kepada Kerajaan Persekutuan) dikembalikan kepada rakyat Selangor dalam bentuk pembangunan dan program lain.

"Malangnya, peruntukan diterima Selangor daripada Kerajaan Persekutuan amat kecil berbanding sumbangan Kerajaan Negeri," katanya selepas Majlis Konvoke-

syen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), pada 21 Oktober lalu.

Dalam isu denggi, beliau berkata, sebagai negeri maju, Selangor terdedah kepada semua kemungkinan tetapi Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan Negeri mengambil langkah proaktif bagi memastikan ia tidak berterusan.

Katanya, perbincangan bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, kira-kira dua tahun lalu bagi melihat Kerajaan Negeri dan kementerian untuk menangani isu berkenaan.

"Namun, ada perkara berkaitan perundangan yang harus ditangani kerana pegawai PBT tidak boleh memasuki sewenang-wenangnya premis atau kediaman kerana tiada peruntukan bagi tindakan sebegini.

"Kalau ada kerjasama kementerian dan pihak berkuasa lain, saya yakin isu ini dapat ditangani secara baik juga bijaksana," katanya ekoran banyak kes berpunca daripada masalah air yang bertakung di dalam premis serta kediaman.



Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi terbabit sentiasa komited menangani masalah denggi dengan pelbagai inisiatif dan program

KDEBWM siap siaga hadapi sampah haram

SHAH ALAM - KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) sedang meneliti kaedah terbaik membendung aktiviti pembuangan sampah haram yang menjejaskan kerja pembersihan awam.

Pengurus Besarnya, Ramli Mohd Tahir berkata, ia termasuk cadangan meletak-

kan kamera litar tertutup (CCTV) dan penyiasat yang beroperasi 24 jam, di kawasan berpotensi.

Katanya, kerjasama penduduk juga perlu dipererat bagi memudahkan penyampaian info dan maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan, di kawasan

berkenaan.

"Kita dapati pembuangan haram ini kebiasaannya dilakukan, di kawasan hulu dan jauh daripada perbandaran serta dilakukan, pada awal pagi untuk mengelak dikesan.

"Jadi, kita perlu memikirkan cara pemantauan 24 jam untuk menangkap mereka yang tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Beliau diminta mengulas laporan Bulletin Utama berhubung pembuangan sampah haram di kawasan Bandar Armada Putra, Pulau Indah, baru-baru ini.

Untuk rekod, KDEBWM sudah mengambil alih 100 peratus pengurusan sisa pepejal dan 80 peratus pembersihan awam, di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK), setakat ini

Ramli berkata, Bandar Armada Putra bagaimanapun tidak termasuk dalam kawasan seliaan bagi kerja pembersihan awam KDEBWM dan masih di bawah tanggungjawab kontraktor lantikan MPK.

Beliau berkata, pihaknya hanya akan mengambil alih baki kawasan termasuk Bandar Armada Putra pada 1 Mac 2018, menjadikan syarikat itu bertanggungjawab 100 peratus ke atas pembersihan awam, di seluruh Klang.

"Bagaimanapun, kita sudah meneliti kawasan ini dan mendapati aktiviti pembuangan sampah haram kerap berulang.

"Jadi, KDEBWM harus mempersiapkan diri dan meneliti kaedah efektif membendungnya," katanya.

Damai Hillpark@Cheras

(KEDAI, PEJABAT & SOHO)

LOT-LOT BUMIPUTRA

Untuk Jualan




Untuk Maklumat Lanjut:

03-9108 1588

012-203 3512

012-311 3560

Pemaju:
CTM Realty Sdn Bhd (365541-T)

D-G-10, Connaught Avenue, No. 38,
Jalan 9, Taman Bukit Cheras,
56000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-9108 1588 /
012-203 3512 / 012-311 3560

• No. Lesen Pemaju No : 13842-1/02-2018/01268(L) Tempoh Sah : 22/02/2017-21/02/2018 • No. Permit Iklan & Jualan : 13842-1/02-2018/01268(P) Tempoh Sah : 22/02/2017-21/02/2018 • No. Rujukan Pelan Bangunan : MPKJ/P/29/2014 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan : MPKJ • Pegangan Tanah : Pegangan Bebas • Jenis Kediaman : SOHO • Jumlah Unit : 420 • Harga Jualan : RM449,500 (min) - RM603,500 (maks) (10% Diskaun Bumiputra) • Tarikh Dijangka Siap : 31 Disember 2017 • Bebanan Tanah : Tiada • Sekatan Kepentingan : Tiada



Aplikasi pintar bantu pengguna semak bas tiba

SHAH ALAM - Aplikasi Bas Smart Selangor Transport Information System dijangka boleh dimuat turun pengguna perkhidmatan itu, pada akhir Oktober ini.

Timbalan Pengarah Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), Dr Fahmi Ngah berkata, fasa pertama aplikasi itu membolehkan pengguna menyemak secara 'real time' waktu ketibaan Bas Smart Selangor.

Katanya, pengguna juga boleh mendapatkan 'passenger info display system', di setiap perhentian bas dengan mengimbas 'QR Code' menggunakan telefon pintar.

"Ia membolehkan pengguna mendapatkan maklumat terperinci perjalanan dan masa ketibaan bas.

"Jadi, pengguna boleh mengurus masa dan perjalanan mereka dengan

lebih bijak dan efektif serta tidak perlu menunggu lama di mana-mana perhentian bas seperti sebelum ini," katanya kepada SelangorKini.

Terdahulu, sesi latihan Aplikasi Bas Smart Selangor Transport Information System berlangsung membabitkan Pihak Berkuasa Tempatan, di Hotel Saujana, pada 19 Oktober lalu.

Fahmi berkata, fasa kedua pula bakal menggabungkan aplikasi berkenaan dengan perkhidmatan lain seperti Uber, Grab dan teks.

"Aplikasi ini akan memaklumkan pengguna perkhidmatan mana paling cepat dan kos mana lebih tinggi.

"Ia memberi pilihan kepada pengguna memilih pengangkutan yang memenuhi kehendak bergerak dari satu tempat ke tempat lain," katanya.

Pelaburan merosot 28% separuh pertama 2017

KUALA LUMPUR - Malaysia meluluskan pelaburan RM65.4 bilion dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan utama, pada separuh pertama 2017, merosot 28.2 peratus, berbanding RM91.2 bilion dalam tempoh sama, tahun lalu.

Dalam satu kenyataan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berkata, ia ekoran kejatuhan 41 peratus tahun ke tahun dalam pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan, seiring kelembapan pasaran hartanah.

Katanya, 1,974 projek di bawah sektor terbabit diluluskan dalam enam bulan pertama tahun ini, mencatat jumlah projek terbesar dilulus dalam tempoh berkenaan.

"Selain subsektor hartanah, penyumbang utama dari segi pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan ialah perdagangan pengedaran (RM4.7 bilion), perkhidmatan kewangan (RM4.7 bilion), utiliti (RM4.3 bilion) serta teknologi maklumat dan komunikasi, RM4.1 bilion.

"Kelima subsektor ini menyumbang 81 peratus daripada jumlah pelaburan yang dilulus-

kan dalam sektor terbabit," katanya.

MIDA berkata, sektor perkhidmatan mengekalkan kedudukannya sebagai majikan terbesar dalam ekonomi dengan mewujudkan lebih 39,000 pekerjaan, pada separuh pertama 2017.

Sementara itu, 302 projek dengan pelaburan RM17 bilion diluluskan, pada separuh pertama 2017 di bawah sektor pembuatan, yang dikuasai segmen elektrik dan elektronik.

"Pelaburan asing menyumbang RM9.6 bilion atau 56.5 peratus daripada jumlah pelaburan itu, manakala bakinya RM7.4 bilion atau 43.5 peratus daripada pelaburan domestik," katanya.

MIDA berkata, sumber utama pelaburan asing dalam sektor pembuatan ialah Belanda, Switzerland, Jerman, Hong Kong dan Singapura, dengan mereka menyumbang 76.2 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan bagi sektor berkenaan, pada separuh pertama 2017.

"Projek pembuatan yang diluluskan, pada separuh pertama 2017 dijangka menjana kira-kira 21,900 pekerjaan," katanya.



Belanjawan 2018

Fokus desa, anak muda, wanita

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA SELANGOR - Sejalan dengan kemajuan dan kepesatan ekonomi serta pembangunan Selangor, Kerajaan Negeri memberi perhatian dalam usaha membangunkan masyarakat desa, golongan muda dan wanita dalam Belanjawan Selangor 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau akan mengumumkan beberapa inisiatif baru, pada pembentangan belanjawan yang diadakan, pada 3 November ini.

"Dalam menggubal Belanjawan 2018, kita sedang mencari apa lagi program yang harus dilakukan. Simpanan kita baik, ekonomi kukuh, rizab juga besar tetapi kita mahu kekayaan ini dilimpahkan kepada rakyat, khususnya di kawasan desa.

"Pada 3 November ini kita akan mengumumkan beberapa inisiatif, program dan insentif baru yang memberikan tumpuan pembangunan serta masyarakat desa termasuk anak muda, selain memberdayakan golongan wanita, di negeri ini," katanya.

Katanya, Selangor hari ini semakin maju hingga menyebabkan sesetengah kampung turut mengalami perubahan mendadak yang memerlukan tumpuan khusus oleh Kerajaan Negeri.

Beliau bagaimanapun turut menggesa supaya masyarakat desa mempertahankan watak dan jati diri kedesaan yang penuh tradisi.

Dalam menggubal Belanjawan 2018, kita sedang mencari apa lagi program yang harus kita lakukan. Simpanan kita baik, ekonomi kukuh, rizab juga besar

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar



Institut Wanita Berdaya (IWB) mampu melonjakkan daya saing wanita dalam ekonomi Selangor

PAMERAN PERUMAHAN BUMIPUTERA TERBESAR DI MALAYSIA



PAMERAN HARTA TANAH BUMIPUTERA 2017

Rumahku
Lebih Diskaun!
Lebih Tawaran Hebat!

3-5 November 2017
11.00 pagi-9.00 malam
Pusat Pameran Mid Valley (MVEC)

PENAMPILAN KHAS

-Pejuang Hartanah-

SABTU - 4 NOV 2017



12.00PM :
Ahyat Ishak
Top 5 Kesalahan Newbies Hartanah



1.00PM :
Norliza Ajis
Teknik Tingkatkan Dana Persaraan Selepas Beli Rumah



2.00PM :
Khairul Amal
Bijak Cukai Bijak Hartanah




3.00PM :
Amin Yusof
5 Tips Hiasan Dalaman untuk Pelabur Hartanah

AHAD - 5 NOV 2017



12.00PM :
Amsyari
Cukai dalam Hartanah: Keperluan atau Kewajipan?



1.00PM :
Redzwan Khairudin
Strategi Kumpul Deposit Rumah



2.00PM :
Aziz Ahmad
Teknik Killer Langsai Hutang Rumah 10 Tahun



3.00PM :
Dato' Nazri Mustafa
Jualbeli: Apa Anda Perlu Tahu?

Dianjurkan Oleh

Media Rasmi

Media Online



www.bpex.com.my




Bumiputera Property Exhibition

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

03 4142 1151



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI

Bantu mahasiswa dapat kerja

Najib patut ubah mentaliti

SHAH ALAM - Gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menuntut mahasiswa mengubah mentaliti makan gaji dengan memilih menjadi usahawan setelah tamat pengajian dilihat lucu.

Ketua Pemuda Pakatan Harapan, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, ia bukan mudah bagi mahasiswa menjana pendapatan menerusi bidang keusahawanan dalam keadaan ekonomi sekarang.

Sebaliknya, beliau berkata, kerajaan sewajarnya berusaha mencari penyelesaian peluang

pekerjaan yang semakin terhad berbanding lambakan graduan yang menganggur.

"Najib yang patut ubah mentaliti untuk membantu rakyat terutama golongan muda.

"Sedangkan peniaga lebih 30 tahun masih merungut kerana pendapatan mereka semakin berkurangan, atas beberapa faktor, seperti kenaikan harga barang dan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

"Bagi memulakan sesuatu perniagaan, mahasiswa perlu bekerja selama dua hingga lima tahun

mengumpul modal perniagaan jika ingin menjadi usahawan," katanya dalam kenyataan.

Terdahulu, Najib dalam satu kenyataan menuntut mahasiswa mencabar diri memilih bidang keusahawanan yang kononnya menjanjikan masa depan lebih bermakna berbanding makan gaji setelah tamat pengajian.

Nik Nazmi yang juga Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi berkata, hakikatnya mahasiswa berdepan cabaran hebat setelah tamat pengajian ekoran dibebani hutang pinjaman pendidikan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Pemimpin Umno BN jangan mudah melabel 'mahasiswa manja' kerana kenyataan seperti ini bukan sekadar mengelak isu sebenar, malah melambangkan sikap tidak bertanggungjawab pemimpin yang menyalahkan rakyat atas kegagalan mereka mentadbir negara," katanya.

PTPTN, gaji rendah faktor belia terjebak hutang

SHAH ALAM - Kadar upah rendah dan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk membiayai pengajian antara faktor mendorong generasi muda, di negara ini terjebak dengan hutang.

Bekas Timbalan Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM), Dr Rosli Yaakob berkata, keadaan itu turut mendorong perkembangan budaya berhutang dalam kalangan generasi muda.

"Sekarang ini nak beli apa sahaja generasi muda terpaksa berhutang apabila gaji diterima tidak selaras dengan kenaikan harga barangan atau kos sara hidup.

"Keadaan ini menjelaskan apa diumumkan BNM tahun lalu kenapa paras hutang isi rumah negara setinggi 89.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu antara yang tertinggi di Asia," katanya.

Katanya, selain pinjaman PTPTN, hutang kad kredit turut merupakan antara yang tertinggi, di negara ini.

Beliau bagaimanapun tidak menolak amalan berbelanja melebihi kemampuan turut memberi kesan terhadap peningkatan hutang dalam kalangan sesetengah generasi muda.

"Pertumbuhan ekonomi



Sekarang ini nak beli apa sahaja generasi muda terpaksa berhutang apabila gaji diterima tidak selaras dengan kenaikan harga barangan atau kos sara hidup

DR ROSLI YAKOB
Bekas Timbalan Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM)

semasa negara yang tidak memberangsangkan sejak beberapa tahun ini turut menyebabkan banyak syarikat terpaksa menghentikan operasinya, sekali gus memberi kesan besar kepada golongan pekerja yang berhutang," katanya.



KOMUNITI YANG SEMAKIN BERKEMBANG, mesra seperti alam semulajadi

sedia dikunjungi

RUMAH CONTOH

Rumah teres dua tingkat • WISTERIA 23' X 75' & 23' X 80' | 2,388 - 2,449 kps • PENDULINE 20' X 70' | 1,771 - 2,283 kps • LIVIA 20' X 60' & 20' X 65' | 1,669 - 1,854 kps

017-964 0828
www.rimbayu.com

Isnin - Jumaat : 9pg - 5ptg
Sabtu, Ahad & Cuti Umum : 10pg - 5ptg

waze GALERI JUALAN BANDAR RIMBAYU (Dari KESAS Highway exit 506B Bandar Rimbayu)

BANDAR RIMBAYU SDN BHD (568093-K) No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan



PENDULINE • Developer: Bandar Rimbayu Sdn. Bhd. (568093-K) No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor. • Parcel 1 • Developer License No.: 12392-6/02-2018/0118(L) • Validity Date: 20/02/2016 to 19/02/2018 • Advertising & Sales Permit No.: 12392-6/02-2018/0118(P) • Validity Date: 20/02/2016 to 19/02/2018 • Approving Authority: Majlis Daerah Kuala Langkat • Building Plan Approval No.: MDK/LJK/2/4/1115 • Encumbrance: Charged to RHB Bank Berhad • Land Tenure: Leasehold 99 years (Expiring: 23/12/2111) • % discount for Bumiputra • Type of Property: 2-Storey Terrace House (20' x 70') • Total Unit: 132 unit • Expected Date of Completion: February 2018 • Selling Price: RM694,800 (Min), RM1,020,800 (Max) • Sekatan-Sekatan Penalti: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri, Parcel 2 • Developer License No.: 12392-7/02-2018/0134(L) • Validity Date: 26/02/2016 to 25/02/2018 • Advertising & Sales Permit No.: 12392-7/02-2018/0134(P) • Validity Date: 26/02/2016 to 25/02/2018 • Approving Authority: Majlis Daerah Kuala Langkat • Building Plan Approval No.: MDK/LJK/2/4/1115 • Encumbrance: Charged to RHB Bank Berhad • Land Tenure: Leasehold 99 years (Expiring: 23/12/2111) • % discount for Bumiputra • Type of Property: 2-Storey Terrace House (20' x 70') • Total Unit: 14 unit • Expected Date of Completion: Ogos 2018 • Selling Price: RM713,800 (Min), RM1,157,800 (Max) • Sekatan-Sekatan Penalti: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri, Parcel 3 • Developer License No.: 12392-8/04-2018/0259(L) • Validity Date: 20/04/2016 to 19/04/2018 • Advertising & Sales Permit No.: 12392-8/04-2018/0259(P) • Validity Date: 20/04/2016 to 19/04/2018 • Approving Authority: Majlis Daerah Kuala Langkat • Building Plan Approval No.: MDK/LJK/2/4/1115 • Encumbrance: Charged to RHB Bank Berhad • Land Tenure: Leasehold 99 years (Expiring: 23/12/2111) • % discount for Bumiputra • Type of Property: 2-Storey Terrace House (20' x 70') • Total Unit: 224 unit • Expected Date of Completion: Ogos 2018 • Selling Price: RM739,800 (Min), RM1,146,800 (Max) • Sekatan-Sekatan Penalti: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri, Parcel 4 • Developer License No.: 12392-9/11-2018/0351(L) • Validity Date: 05/11/2016 to 04/11/2018 • Advertising & Sales Permit No.: 12392-9/11-2018/0351(P) • Validity Date: 05/11/2016 to 04/11/2018 • Approving Authority: Majlis Daerah Kuala Langkat • Building Plan Approval No.: MDK/LJK/2/4/1115 • Encumbrance: Charged to RHB Bank Berhad • Land Tenure: Leasehold 99 years (Expiring: 23/12/2111) • % discount for Bumiputra • Type of Property: 2-Storey Terrace House (20' x 70') • Total Unit: 155 unit • Expected Date of Completion: Nov 2018 • Selling Price: RM739,800 (Min), RM1,145,800 (Max) • Restriction-in-interest: This Land cannot be sold, leased, pledged or transferred with or without the consent of the State Authority. LIVIA • TYPE A • Developer License No.: 12392-10/05-2018/0380(L) • Validity Date: 26/05/2017 - 25/05/2019 • Advertising & Sales Permit No.: 12392-10/05-2018/0380(P) • Validity Date: 26/05/2017 - 25/05/2019 • Approving Authority: Majlis Daerah Kuala Langkat • Building Plan Approval No.: MDK/LJK/2/4/1180 • Land Encumbrance: Charged to RHB Bank Berhad • Land Tenure: Leasehold 99 years (Expiring: 23/12/2111) • Expected Date of Completion: October 2019 • Type of Property: 2-Storey Link Homes (20' x 80') • Total Unit: 118 units • Selling Price: RM651,800 (Min) - RM952,800 (Max) • % discount for Bumiputra. TYPE B • Developer License No.: 12392-11/06-2019/0444(L) • Validity Date: 20/06/2017 - 19/06/2019 • Advertising & Sales Permit No.: 12392-11/06-2019/0444(P) • Validity Date: 20/06/2017 - 19/06/2019 • Approving Authority: Majlis Daerah Kuala Langkat • Building Plan approval No.: MDK/LJK/2/4/1180 • Land Encumbrance: Charged to RHB Bank Berhad • Land Tenure: Leasehold 99 years (Expiring: 23/12/2111) • Expected Date of Completion: April 2020. Type of Property: 2-Storey Link Homes (20' x 85') Total Units: 98 units • Selling Price: RM775,800 (Min) - RM1,073,800 (Max) • % discount for Bumiputra.

Tampil beri penjelasan

Babit integriti dan ketelusan

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad diminta menjawab spekulasi sama ada beliau merupakan individu dimaksudkan atau sebaliknya dalam sebuah video dirakam, di Bali Indonesia, baru-baru ini.

Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo berkata, tindakan berdiam diri terhadap dakwaan berkenaan disifatkan kurang tepat dan Dzulkifli sebaiknya perlu memberikan reaksi balas.

"Sekiranya bukan dirinya, maka saya minta beliau nyatakan secara terbuka.

"Tindakan itu perlu untuk membersihkan nama dan dirinya yang mempunyai kedudukan dalam SPRM.

"PDRM atau mana-mana agensi penyiasatan perlu sedar bahawa imej agensi mereka tidak boleh dikompromi dalam apa

jua keadaan untuk memastikan keyakinan masyarakat terhadap mereka," katanya dalam sidang media, di Pusat Media Parlimen, pada 24 Oktober lalu.

Katanya, gesaan itu dibuat atas kapasitinya sebagai ahli parlimen kerana SPRM ditubuhkan berasaskan undang-undang yang diluluskan di Parlimen, pada 2009.

"Secara jelasnya Parlimen menggubal akta berkenaan dan menubuhkan SPRM supaya isu integriti serta ketelusan dengan tujuan mempromosikan kedua aspek terbabit dalam pengurusan sektor awam juga swasta.

"Maka, menjadi keperluan kepada semua pengawainya, terutama Ketua Pesuruhjaya memberi contoh yang baik," katanya.

Terdahulu, sebuah video memaparkan seorang pegawai kanan SPRM yang didakwa menjalinkan hubungan sulit dengan isteri orang disebarkan pihak tertentu.



Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak diperluas

KUALA LUMPUR - Selangor bakal mempunyai Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak selepas Kerajaan Persekutuan bersetuju memperluaskannya secara berperingkat di seluruh negeri, di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, dua negeri lain yang bakal melaksanakan perkara sama adalah Sarawak dan Johor.

"Mesyuarat Jemaah Menteri, pada 27 September lalu bersetuju supaya Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak diperluas secara berperingkat ke seluruh negeri, di Malaysia.

"Pelaksanaan secara berperingkat ini

berdasarkan statistik bilangan kes yang banyak," katanya di Dewan Rakyat, pada 24 Oktober lalu.

Sehingga 8 September lalu, sebanyak 293 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak didaftarkan dan 248 kes atau 80 peratus sudah dilupuskan dalam tempoh tiga bulan.

Perincian berkenaan hubungan mangsa dan pemangsa (OKT) adalah satu kes membabitkan bapa mangsa, tiga kes bapa tiri mangsa dan 10 kes orang luar.

Dari segi pecahan kaum, tiga kes membabitkan kaum Melayu, Cina dan India, sementara lima kes lain membabitkan warganegara asing.

Sudahkah Jamal disiasat?

SHAH ALAM -Tindakan Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos mengancam menyimbah air ikan terhadap Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), baru-baru ini boleh dianggap sebagai ugutan dengan elemen jenayah kerana cuba menakutkan penjawat awam menjalankan tugas.

Pengarah Komunikasi KEADILAN, Fahmi Fadzil berkata, polis sepatutnya menjalankan siasatan segera ke atas tindakan ugutan dibuatnya itu.

"Tindakan itu menunjukkan dia langsung tidak menghormati kakitangan dan

penjawat awam.

"Beliau seharusnya disiasat polis, memandangkan ugutan ini mungkin mempunyai elemen jenayah kerana cuba menakutkan kakitangan kerajaan dan penguat kuasa MBPJ,"katanya.

Fahmi berkata, walaupun Jamal sebelum ini sering bertindak di luar batasan undang-undang, namun dia tidak pernah dikenakan tindakan undang-undang.

Beliau berkata, keengganan pihak berkuasa khususnya Peguam Negara mendakwa Jamal di mahkamah amat dikesali kerana menimbulkan persepsi bahawa dia 'dipayungi' pihak tertentu.

HARI LAHIR ANDA BOLEH MEMBAWA JUTAAN TUAH!



Sertai promosi 117 untuk berpeluang menjadi pemenang hadiah utama berupa wang tunai

RM150,000.00!

3 10 17
18
19
20
21
22
23

Hadiah-hadiah lumayan telah pun dimenangi. Kini tiba masanya untuk Pemenang Hadiah Utama.

Mungkinkah anda?

Mudah caranya:

- 1 Ambil dua angka terakhir tahun kelahiran anda.
- 2 Tambahkan kepada umur anda pada tahun 2017.
- 3 **Perhatian!**

Jika hasilnya adalah 117 - Tahniah!

Anda berpeluang untuk memenangi RM150,000!



Dato' Jalaludin Hassan
Selebriti & Duta Best Products



Pusat Panggilan:
03-2716 6363
Setiap hari dari jam 9 pagi hingga 6 petang.

KUPON PENYERTAAN
ISI BORANG DAN HANTARKAN KEPADA:
BEST PRODUCTS, P.O. BOX 12366, 50776 KUALA LUMPUR.

- Ya, saya telah mendapat angka 117!
- Ya, saya ingin berpeluang memenangi wang RM150,000!
- Ya, saya ingin menerima katalog Best Products untuk berpeluang memenangi hadiah ini.



TERIMA!
Katalog Terbaru
"Best Products"

No. kod: 3.499.271017.29.7.2

Nama Penuh:

Jantina: Lelaki Perempuan Tarikh Lahir: _____
Hari Bulan Tahun

No. KP: _____ - _____ - _____

Alamat:

Poskod: _____ Bandar:

Nombor Telefon: Rumah: _____

Bimbit: _____

Emel: Tandatangan:



*Terma dan Syarat Kempen Pemasaran ("Kempen")
1) Kempen ini dianjurkan oleh Home Direct Shopping Sdn Bhd (1110325-V) ("Syarikat"), Pusat Perkhidmatan Pelanggan beralamat di 32A-2, Jalan PJS 8/2 Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor dengan No. Lesen Jualan Langsung (Jualan Pesanan Pos) A.J.L. 932990. 2) Kempen ini akan berlangsung dari 1 Ogos 2017 hingga 31 Oktober 2017 ("Tempoh Kempen"). Selepas tamat Tempoh Kempen, jika pesanan anda tidak dilayan untuk kempen ini, pesanan anda secara automatik akan dimasukkan ke dalam kempen baru kami yang akan datang (jika ada). 3) Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas ("Pelanggan Berpeluang"). 4) Pelanggan Berpeluang (seperti yang ditakrifkan di dalam Terma dan Syarat Penuh) mempunyai peluang untuk memenangi hadiah-hadiah berikut: Satu Hadiah Utama berupa wang tunai sebanyak RM150,000.00; Satu Hadiah Tambahan Pertama berupa wang tunai sebanyak RM30,000.00; atau Satu Hadiah Tambahan Kedua berupa wang tunai sebanyak RM5,999.00. 5) Kempen ini akan terbahagi kepada empat (4) peringkat: a) Peringkat 1: Syarikat akan memberi peluang kepada Pelanggan Berpeluang untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini dengan melakukan langkah-langkah seperti yang dinyatakan di dalam iklan di atas. b) Peringkat 2: Pelanggan Berpeluang hendaklah mendaftar dengan Syarikat sama ada dengan menelpon nombor telefon Syarikat ataupun menghantarkan kupon yang telah dilampirkan ke alamat Syarikat. c) Peringkat 3: Setelah mendaftar, Pelanggan Berpeluang akan menerima melalui pos pakej mel Syarikat yang akan mengandungi katalog katalog Syarikat, bahan-bahan promosi serta Terma dan Syarat Penuh; dan di Peringkat 4: Pelanggan Berpeluang hendaklah membuat pesanan berdasarkan katalog Syarikat dan membuat bayaran penuh bagi produk yang dipesan. Kriteria pemilihan pemenang adalah seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Penuh. 6) Dengan melampirkan kupon dan mengesepunya kepada Syarikat, Pelanggan Berpeluang bersetuju dengan terma-terma dalam Nota Privasi Syarikat bahawa data peribadi beliau yang dikumpul melalui proses ini boleh diproses, disimpan, dikumpul, digunakan oleh Syarikat, atau diizinkan kepada pihak ketiga yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak yang bersekutu dengan Syarikat yang mungkin berada di luar Malaysia, bagi tujuan pengiklanan, kempen promosi, pemasaran termasuk menerima katalog atau dokumen informatif Syarikat atau pihak ketiga. 7) Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada Terma dan Syarat Penuh, Polisi Pemulangan Syarikat dan Nota Privasi Syarikat yang akan dihantar selepas pendaftaran atau melalui laman web kami di www.bestproducts.my.



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI

Fokus

10 | SelangorKini 27 Oktober - 3 November 2017

Naik taraf prasarana pendidikan

TVET, STEM dipertingkatkan

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri komited menaik taraf prasarana pendidikan, di Selangor menerusi tiga institut pengajian tinggi utama bagi memastikan penghasilan modal insan berkualiti untuk masa depan negara.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad (**gambar**) berkata, Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa Inpens (INPENS) kini berada pada tahap baik, khususnya dalam memberikan penyelesaian kepada pelajar.

"Prasarana IPT di Selangor termasuk UNISEL, KUIS dan INPENS bertambah baik dan kemudahan asas dinaik taraf.

"UNISEL sedang menjalani pembaikan kampus yang menyeluruh, manakala INPENS juga memperbaiki kemudahan pembelajaran untuk relevan dengan tuntutan hari ini," katanya.

Katanya, Kerajaan Negeri sedang mengkaji keperluan yang boleh ditambah kepada IPT di Selangor, khususnya dalam dasar

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) serta bidang Matematik, Jurutera, Teknologi dan Sains (STEM).

"Untuk 2018, Kerajaan Negeri sedang mengkaji keperluan IPT itu dengan terus memberi penekanan kepada TVET dan STEM dengan perancangan lebih terperinci, selain mengenal pasti kaedah terbaik menambahbaik program sedia ada.



"Kerajaan Negeri juga akan memperluaskan lagi manfaat kedua bidang ini yang merupakan peneraju kemajuan masa depan negeri," katanya.

Selain itu, IPT di Selangor juga digalakkan supaya memperluas jalinan kerjasama pendidikan dengan negara luar supaya perkongsian serta pertukaran idea bagi meningkatkan mutu pendidikan dapat dilakukan.

"UNISEL menjadi IPTS Malaysia pertama yang membuka kampus di luar negara, di Bangladesh.

"Semakin banyak program kerjasama akan diperkenalkan untuk membawa pelajar dari kampus Bangladesh sambung ke kampus Selangor," katanya.



TCMS, VDI lancar proses pendidikan

SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) giat melakukan penambahbaikan sistem teknologi maklumat mengikut perkembangan semasa bagi memudahkan sistem pembelajaran berlangsung, di dewan kuliah.

Naib Canselornya, Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata, UNISEL kini menggunakan konsep Sistem Pengurusan Kampus Menyeluruh (TCMS) untuk keselesaan tenaga pengajar dan pelajar, di kampus.

"Dalam konteks semasa kemudahan yang perlu ada adalah sambungan (*connectivity*) ke seluruh kampus.

"Sejak enam bulan kebelakangan ini, kita sedang menyiapkan pusat capaian secara menyeluruh.

"Selain itu, kita turut menyediakan komputer baru untuk tenaga pengajar supaya pembelajaran dapat dilakukan dengan lebih berkesan," katanya.

Katanya, sambungan teknologi berkecayaan akan lebih memudahkan hubungan interaksi antara kampus Shah Alam dan Bestari Jaya.

Selain itu, UNISEL turut menggunakan Infrastruktur Desktop Video (VDI) yang menawarkan lebih kemudahan untuk pelajar dan tenaga pelajar berkongsi maklumat dengan capaian menerusi maya secara lebih pantas, selamat serta berkesan.

Menyentuh soal perancangan pembangunan prasarana, Mohammad Redzuan berkata, beliau berhasrat membawa lebih banyak teknologi masa kini demi keselesaan warga UNISEL bersandarkan kepada kemampuan kewangan yang ada.

Katanya, beliau optimis perkara itu dapat dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi memastikan UNISEL mempunyai kemudahan terbaik seperti institut pengajian tinggi lain, di Malaysia.

KUIS mahu laksana konsep 'Blended Learning'

SHAH ALAM - Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) mahu melaksanakan konsep kuliah bersemuka menerusi maya khusus untuk pengajian jarak jauh (PJJ) tanpa perlu lagi pelajar ke dewan kuliah.

Rektor KUIS, Prof Dato' Dr Ab Halim Tamuri berkata, konsep 'Blended Learning' itu seiring perkembangan teknologi masa kini bagi memudahkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran (PNP) berlangsung bagi menarik lebih ramai pelajar menyambung pengajian.

"Kita sedang menyiapkan prasarana ini dan konsepnya berbeza dengan PJJ, di institut pengajian tinggi lain.

"Pelajar tidak perlu datang, sebaliknya secara dalam talian (*online*) dalam bentuk tugas serta pengajian lapangan (*field work*).

"Konsep ini menyaksikan pelajar tidak perlu lagi ke kampus," katanya.

Beliau berkata, sejak memimpin KUIS pada Julai 2013, beliau melihat proses naik taraf sistem teknologi maklumat dari semasa ke semasa penting dilakukan bagi kemudahan akademik kerana ia berubah terlalu cepat.

Katanya, jaringan kemudahan utama seperti asrama, pengangkutan dan inter-

net memudahkan akses pelajar sepanjang melanjutkan pengajian, di sini.

Selain itu, KUIS turut berhasrat menaik taraf kapasiti kemudahan perpustakaan yang kini mampu memuatkan 400 pelajar dalam satu masa kepada 2,500 pelajar serta menambah lebih banyak bahan bacaan dan rujukan dalam bentuk elektronik (*e-book*).

"Kita juga menerima pandangan daripada persatuan pelajar jika mereka ada sebarang cadangan untuk menaik taraf prasarana, di KUIS.

"Sebagai contoh, baru-baru ini kita menyiapkan tempat letak kereta untuk pelajar. Saya juga mengamalkan sikap terbuka selain pelajar boleh bertemu bila-bila masa seperti, di masjid dan surau.

"Jika mereka ada kertas kerja, mereka boleh kemukakan ke pejabat saya," katanya.

Menyentuh soal pengambilan pelajar dari luar negara, beliau berkata, KUIS kini lebih menumpukan permohonan dari rantau asia.

"Kini kita mempunyai pelajar luar dari Singapura, Brunei dan Indonesia. Kita akan cuba buka ruang untuk pelajar Timur Tengah

"Kita fokus mahu buka program pasca siswazah untuk pengajian sarjana dan doktor falsafah" katanya.



IMPIANA 33
HAB PERNIAGAAN GAYA HIDUP ANDA

DISKAUN
10%
UNTUK UNIT BUMIPUTRA

**UNIT BUMIPUTRA
DIBUKA UNTUK JUALAN**



**HAB PERNIAGAAN
DAN GAYA HIDUP
IDEAL ANDA**

**33 UNIT
KEDAI/PEJABAT 3 TINGKAT**

**Saiz Lot Standard 22' x 90'
Luas Binaan 4,497 kaki persegi**

Kunjungi Pusat Pameran/Jualan
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

03-3343 8899
016-601 5625

Pemaju:



USAHASAMA UTAMA SDN BHD
(328357-H)
(Ahli Kumpulan Acmar)
No. 32A, Jalan Tiara 2,
Bandar Baru Klang,
41150 Klang, Selangor Darul Ehsan.



Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)

Insentif istimewa anak Selangor

OLEH SABIRAH AZIZ

KLANG - Kerajaan Negeri terus mengambil inisiatif membantu anak kelahiran Selangor menerusi Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), yang juga antara program penting dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) Fasa 1.

Program terbabit diuruskan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) dan terbuka kepada anak kelahiran Selangor yang memenuhi syarat dengan permohonan perlu dilakukan sebelum anak berusia tiga tahun.

Pada 17 Ogos 2015, menerusi Mesyuarat Kedua Penggal 3 dalam sidang Dewan Negeri Bahagian Ketiga Belas, satu Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor diluluskan bertujuan me-

mastikan ahli TAWAS menerima RM1,500 apabila mencapai usia 18 tahun.

Setakat Oktober ini, TAWAS merekodkan 285,597 ahli berdaftar dengan 285,267 masih hidup, manakala baki 330 sudah meninggal dunia.

Berdasarkan statistik, bangsa Melayu mencatatkan ahli tertinggi dengan 194,377 diikuti Cina (51,659), India (31,509) dan lain-lain (7,722).

Bermula dari 1 Mac 2014, Skim Khairat Kematian TAWAS bernilai RM 1,500 turut diperkenalkan dan akan diberikan kepada waris Ahli TAWAS sekiranya ahli meninggal dunia, sebelum mencapai usia 18 tahun.

Sepanjang TAWAS diperkenalkan, terdapat pelbagai program dan inisiatif dilaksanakan bagi meringankan beban anak Selangor dan an-

Program terbabit diuruskan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) dan terbuka kepada anak kelahiran Selangor yang memenuhi syarat dengan permohonan perlu dilakukan sebelum anak berusia tiga tahun

taranya menerusi program *Back To School*.

Bantuan persiapan asas persekolahan itu merupakan tambahan khas bagi ahli TAWAS yang akan memasuki alam persekolahan.

Back To School manfaat tambahan

KLANG - Program *Back To School* merupakan manfaat tambahan kepada ahli Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) bagi membantu anak Selangor yang akan memasuki alam persekolahan.

Menurut Esekutif Kanan Perhubungan Awam Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), Atikah Akma Ramly, program terbabit akan dilaksanakan secara berterusan.

"Bantuan ini khas untuk anak Selangor yang akan memasuki darjah satu dan menjadi program tahunan TAWAS.

"Ibu bapa atau ahli TAWAS boleh menuntut sumbangan terbabit di Pusat Khidmat Masyarakat mengikut kawasan tempat tinggal yang didaftarkan sebelum ini," katanya.

Akma berkata, setakat Oktober ini, seramai 2,802 ahli TAWAS sudah menuntut bantuan, di kawasan masing-masing.

"Selain bantuan beg, terdapat juga wakil Ahli Dewan Negeri melakukan inisiatif sendiri dengan menambah keperluan bantuan sekolah kepada ahli TAWAS, di kawasan mereka.

Sehubungan itu, ibu bapa kepada ahli TAWAS dinasihatkan mengemas kini maklumat anak seperti nombor telefon, alamat dan kawasan program pilihan sekiranya ada pertukaran, sebelum 31 Disember supaya tidak terlepas sebarang program yang dilaksanakan.

Semakan dan kemas kini juga boleh dilakukan sendiri secara dalam talian di laman sesawang www.tawas.org.my.



285,267 sertai TAWAS

SHAH ALAM - Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) merekodkan 285,597 ahli berdaftar dengan 285,267 masih hidup, manakala baki 330 sudah meninggal dunia, setakat Oktober ini.

Tinjauan SelangorKini di laman rasmi TAWAS juga menunjukkan 128,409 ahli sudah menerima penyata, sementara 156,858 masih belum menerimanya.

Berdasarkan statistik, bangsa Melayu mencatatkan ahli tertinggi dengan 194,377 diikuti Cina (51,659), India (31,509) dan lain-lain (7,722).


Pendaftaran tertinggi

diterima, pada 2014 dengan 49,566 berbanding pendaftaran diterima pada tahun pertama, 2008 dengan 23,842 sahaja.

Untuk tahun ini, setakat 19 Oktober, TAWAS menerima 14,850 permohonan, namun hanya 9,815 didapati layak.

Pada 17 Ogos 2015, Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor diluluskan bagi memastikan ahli TAWAS menerima RM1,500 apabila mencapai usia 18 tahun.

YAWAS turut memperkenalkan Skim Khairat Kematian TAWAS bernilai RM1,500 yang akan diberikan kepada waris jika ahli meninggal dunia sebelum mencapai usia 18 tahun.





BANDAR DIRAJA, DAERAH KLANG GAMIT WARNA-WARNI KEMAJMUKAN BANGSA
mediaselangor



01 Ahli Parlimen Selayang, William Leong bersama ADN Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melakukan ziarah Deepavali dan menyantuni penduduk India sekitar kawasan mereka
02 ADN Subang Jaya, Hannah Yeoh dan Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen menyantuni penerima Jom Shopping anjuran Kerajaan Negeri, di kawasan mereka
03 ADN Bangi, Shafie Ngah turun padang menyantuni peserta Hari Tanpa Kenderaan Bandar Baru Bangi, di DUN beliau
04 Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud turut membantu peserta membuat kuih-muih dalam program berlangsung, di kawasan beliau
05 ADN Hulu Bernam, Datuk Rosni Sohar turut serta bergotong-royong bersama penduduk dalam Program My Beautiful Neighbourhood 2017





LALUAN BAS SMART SELANGOR MPK



WAKTU OPERASI SETIAP HARI
6 pagi - 10 malam


KEKERAPAN PERJALANAN
15-20 minit

BAS SMART SELANGOR





Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI

Perpaduan Selangor berakar umbi lebih 200 tahun

Kemajmukan jana kemajuan

OLEH NAZLI IBRAHIM

Muktahir ini, perpaduan masyarakat majmuk negara diuji lagi. Kali ini dengan kenyataan dan tindakan segelintir golongan tidak bertanggungjawab serta esktremis yang menyentuh sensitiviti perkauman.

Keadaan itu memaksa Majlis Raja-raja mengeluarkan kenyataan tegas supaya rakyat Malaysia terus mengekalkan perpaduan dan hubungan harmoni antara kaum.

Rentetan daripada kenyataan itu, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah supaya rakyat Selangor berpegang kepada pendirian Raja-raja Melayu bagi mengekalkan imej Islam sebagai agama Persekutuan yang menggalakkan penganutnya bersikap tolenrasi, sederhana dan inklusif.

Baginda juga menyeru umat Islam, di Selangor memastikan Islam tidak dicemari tindakan bersifat keterlaluan yang memisahkan rakyat berbilang kaum, di negeri termaju itu.

Seruan baginda itu sangat tepat, lebih-lebih lagi sejarah Selangor sendiri jelas membuktikan kemajuan dikecapi negeri berkenaan dicapai melalui wujudnya perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuknya.

Selangor merupakan antara negeri tua Melayu yang turut mengalami evolusi perkembangan penempatan masyarakat dan pembangunan masyarakatnya yang sangat majmuk.



Abdullah Hukum

Tokoh berbilang bangsa majukan Selangor

Pembangunan Selangor khasnya Kuala Lumpur, pada abad ke-19 dalam pelbagai aspek merupakan kesan peranan yang dimainkan ramai tokoh pelbagai kaum sebelum, semasa dan selepas era kolonial British.

Antaranya tokoh pedagang, Sutan Puasa; tokoh peneroka, Haji Abdullah Hukum; tokoh pelombong, Yap Ah Loy dan tokoh pengusaha, Doraisamy Pillay.

Setiap tokoh ini mempunyai kebolehan dan kemampuan masing-masing. Mereka

ini boleh dianggap sebagai tokoh yang membangunkan Kuala Lumpur melalui kegiatan masing-masing.

Sutan Puasa misalnya, menurut pakar sejarah, Prof. Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, beliau merupakan individu bertanggungjawab membuka Kuala Lumpur.

Menurut Jurnal Seni Bina Asia Tenggara 2013 oleh Universiti Kebangsaan Singapura yang disiarkan laman academia.edu, Sutan Puasa atau Sutan Naposo berasal dari Mandailing di Sumatera dan menganut agama Islam.

Mengikut catatan Mandailing pula, di akhir hayat Sutan Puasa menetap di Kampung Rawa (sekarang Jalan Melayu) sebelum berpindah ke sebuah perkampungan Mandailing, di Jalan Chow Kit.

Sutan Puasa yang terkenal sebagai pedagang timah meninggal dunia, pada 1905 dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam, di Jalan Ampang.

Manakala Abdullah yang berpengalaman sebagai ketua peneroka, pedagang dan Dato' Dagang turut meneroka serta membangunkan sebahagian kawasan Kuala Lumpur yang kemudian majoritinya diduduki masyarakat bukan Melayu, khasnya Cina.

Abdullah Hukum merupakan tokoh daripada keluarga orang kebanyakan yang dilantik Sultan Abdul Samad sebagai Dato' Dagang, pada 1896.

Beliaulah tokoh pemimpin masyarakat keturunan Rawa/Kerinci daripada Sumatera yang juga banyak membuka penempatan Melayu antaranya Kampung Haji Abdullah Hukum di Bangsar, Sungai Putih, Pudu, Setapak, Bukit Bintang, Bukit Nanas dan Bukit Puteri (Angkasapuri termasuk Kampung Kerinci).

Selain itu, beliau juga pernah menjadi nakhoda mengambil upah membawa kerbau dari Pahang, Terengganu dan Klang ke Kuala Lumpur yang kebanyakannya digunakan, di sawah padi iaitu sesuatu yang amat penting bagi menjamin bekalan makanan, pada masa itu.

Tokoh pelombong, Yap Ah Loy pula memainkan peranan besar dalam memaju-

kan Kuala Lumpur. Beliau pada mulanya diberi kepercayaan sebagai Penolong Kapitan Cina dan kemudiannya sebagai Kapitan Cina ketiga, pada 1868 hingga 1885.

Ketokohan Yap Ah Loy sentiasa mendapat perhatian dalam kalangan sejarawan barat sehingga ada yang menonjolkan peranan beliau sebagai orang yang membuka Kuala Lumpur.

Bagaimanapun Khoo berkata, adalah mustahil Yap Ah Loy yang membuka Kuala Lumpur kerana beliau sendiri hanya merupakan kapitan ketiga orang Cina, di Kuala Lumpur.

Katanya, sebelum aktiviti perlombongan bijih timah dijalankan di Kuala Lumpur, orang Mandailing sudah membina penempatan di sekitar Sungai Gombak dan Sungai Klang.

Sebagai Kapitan Cina, Yap Ah Loy memiliki kebolehan yang melayakkan beliau memimpin masyarakatnya seperti tokoh pemimpin Melayu Raja Mahadi, Sutan Puasa, Dato' Dagang Haji Muhammad Tahir dan Abdullah Hukum.

Pada 1884, Yap Ah Loy jatuh sakit dan akhirnya, pada 15 April 1885 beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Walau apapun, nama beliau memang layak tercatat sebagai antara tokoh yang turut berperanan memajukan Kuala Lumpur tetapi bukan membuka Kuala Lumpur. Demikian juga dengan Doraisamy Pillay yang terkenal sebagai seorang pengusaha dan pemimpin masyarakat India di Kuala Lumpur.

Beliau dikatakan sebagai seorang tatkun perlombongan dan kontraktor berbangsa India yang terkenal, di Kuala Lumpur dan sumbangannya dalam membangunkan Kuala Lumpur khususnya konteks kehidupan masyarakat India, pada masa itu juga bukan sedikit.

Tidaklah keterlaluan jika tokoh lampau itu disifatkan sebagai lambang kemajuan yang dibawa masyarakat majmuk, di Selangor sebelum negara mencapai kemerdekaan.

Peranan masyarakat terbanyak sebelum merdeka

Kedatangan masyarakat Melayu nusantara, Cina dan India sama ada untuk berdagang atau terus menetap membabitkan pengaliran masuk idea, perkahwinan, pendedahan cara hidup masyarakat lain dan bahasa.


Pada awalnya, orang India diperlukan untuk keperluan ladang kopi dan hanya, pada dekad kedua abad ke-20 apabila ladang getah semakin banyak dibuka, kedatangan orang India semakin bertambah.

Selain sektor perladangan, orang India juga banyak terlibat dalam program pembinaan jalan raya, jalan keretapi dan di jabatan kerajaan.

Sebahagian kecil orang India turut tinggal di kawasan bandar sebagai peniaga, menyertai kumpulan pentadbir sokongan dan juga profesional.

Daerah Lukut pada awal kurun ke-19 yang ketika itu di dalam jajahan takluk Selangor merupakan kawasan lombong bijih terawal di Selangor menggunakan buruh Cina. Pelombong Cina dikatakan telah menjalankan aktiviti perlombongan sejak 1815 lagi.

Penglibatan orang Cina dalam aktiviti melombong bijih di negeri Melayu khususnya, di Selangor sudah bermula sebelum kedatangan British lagi.



Kawasan lombong bijih timah yang banyak menarik pelombong Cina berhijrah ke Lukut

Mereka terbabit mengusahakan lombong bijih milik pembesar Melayu yang semakin meningkat sehingga menyebabkan bekalan sumber manusia tidak lagi dapat menampung permintaan bijih timah yang semakin bertambah.

Manakala masyarakat Melayu pula selain menjadi kaum teras yang menguasai pentadbiran negeri sebelum kedatangan British, mereka juga merupakan petani, peneroka, pedagang dan pelaut.

Sumbangan setiap etnik berbeza ini terhadap kemajuan Selangor berterusan bermula sejak sebelum kedatangan kolonial British, era kolonial British hinggalah selepas merdeka dan sangat signifikan kepada kemajuan Selangor, hari ini.

Kesimpulan

Perpaduan masyarakat majmuk di Selangor ini sudah tentu tidak mudah dan bukan dapat dibina dalam masa sehari dua tetapi sudah berakar umbi lebih 200 ratus tahun lalu.

Kegagalan mempertahankan perpaduan dan keharmonian masyarakat berbilang kaum hanya mensia-siakan usaha nenek moyang kita dalam membangunkan sebuah masyarakat majmuk bersatu, bertamadun lagi maju.

*Sumber:

1. 'Sejarah Negeri Selangor, Dari Zaman Pra Sejarah ke Zaman Kemerdekaan' terbitan Persekutuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor.
2. 'Tawarikh Tanah Melayu 1400-1959' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1969) oleh Joginder Singh Jessy.



Pemandangan Kuala Lumpur pada 1884, diambil dari buku "A Vision of the Past" - Sejarah fotografi awal di Singapura dan Melayu

OLEH ARIF ZULKIFLI

Bapak aku dah halau aku dari rumah, suaranya perlahan meningkat bingit orang ramai.

Aku alihkan pandanganku dari cangkir kopi hitam pekat di tangan, kepada muka dia. Riaknya bersahaja. Tiada garis hiba. Tiada air mata. Apakah dia sedang bergurau?

Mindaku membentuk wajah bapanya. Seorang imam warak di kawasan perumahan kami. Janggutnya tebal dan panjang hingga mencecah dada. Kata orang, semakin panjang janggut kau, semakin dekat kau dengan Tuhan. Aku tak tahu apa benar kenyataan itu, tetapi aku iyaikan saja. Orang yang kurang ilmu agama macam kita ini tak usahlah pertikaikan kenyataan orang-orang agama. Lebih baik angguk dan setuju saja.

Bapa dia tidaklah terlalu tua dan tidaklah terlalu muda. Sedang-sedang saja. Hampir mencecah setengah abad, umurnya. Ya, sering juga aku lihat bapanya di masjid. Tak pernah lokek dengan senyuman. Bibirnya juga selalu basah dengan zikir, puji-pujian pada Tuhan. Dia tinggal bersama-sama bapa dan ibunya. Seorang anak tunggal. Lagilah aku rasakan dia sedang bergurau.



Tak mungkin, seorang yang baik, warak, dan alim, sanggup menghalau satu-satunya cahaya mata yang dia ada, keluar daripada rumah.

Aku memandangi mukanya sekali lagi. Tiada lebam-lebam. Maknanya dia tidak dipukul. Ya,

boleh jadi mungkin badannya penuh dengan birat-birat yang aku tak nampak. Tapi mana mungkin seorang yang baik seperti itu memukul anaknya sendiri? Sudahkah aku katakan bapanya seorang imam yang warak? Tak lokek dengan senyuman?

Apa mungkin boleh jadi bapanya disampuk setan? Yalah, biasanya orang-orang alim ini banyak musuh dalam selimut. Semasa berhadapan nampak saja baik, namun di belakang, bersekongkol dengan setan untuk menghancurkan hidup orang tua itu. Tapi tak mungkin seorang yang alim seperti itu boleh dirasuk setan? Sudahkah aku katakan bapanya seorang imam yang warak? Bibir basah dengan zikir memuji Tuhan?

Kau bergurau bukan, tanyaku padanya.

Dia menggeleng lemah. Sambungannya, aku memang berharap semua ini hanyalah sebuah canda yang kasar, tapi maaf. Ia bukan. Benda ini memang terjadi. Bapak aku dah halau aku dari rumah.

Tapi kenapa, tanyaku lagi. Rasa ingin tahu semakin menebal. Selama ini aku nampak dia bahagia saja bersama keluarganya. Kenapa benda ini berlaku secara tiba-tiba?

Benda ini terjadi semalam, dia memulakan cerita. Semasa makan bersama-sama bapak dan mak aku, aku beritahu satu rahsia yang telah lama aku simpan daripada mereka. Daripada semua orang. Daripada kau.

Kepala aku terteleng ke kiri sedikit. Rahsia? Apa lagi rahsia yang dia sorok daripada aku, sedangkan kami sudah bersahabat baik sejak daripada kami berumur lima tahun lagi. Aku ingatkan dia dan aku tiada apa lagi yang hendak disorokkan. Tidak boleh tidak, aku terasa terkilang sedikit kerana aku sudah menganggap dia sebagai adik kandung aku. Yang tahu isi hati masing-masing.

Rahsia apa, tanyaku.

Aku lihat dia sudah tidak senang duduk. Sekejap-sekejap dia memusing-musingkan cangkirknya. Sekejap-sekejap dia bermain pula dengan sudu besi. Sekejap-sekejap dia menoleh ke luar kafe.

Dia memandangi aku, dan aku membalas pandangannya dengan jungkitan kening kanan, tanda aku masih menanti dia memberitahu apa yang dia mahu beritahu aku. Dia mengeluh, satu keluhan yang dalam, lalu ayat itu meluncur laju keluar daripada mulutnya.

Aku gay.

Satu ayat, dua perkataan, enam huruf, yang bergema keluar daripada bibirnya sehingga hening keseluruhan kafe ini. Tidak lagi aku dengar riuh dari orang sekeliling. Hanya suara dia saja dalam kepalaku. Hanya ayat itu saja yang berlegar-legar di minda aku sekarang.

Laju saja mindaku berpatah balik ke belakang, memainkan memori aku bersama dia. Semasa aku dan dia di sekolah rendah, kami sama-sama wakil sekolah bermain bola sepak. Aku menjadi penjaga gol, manakala dia pula menjadi kapten pasukan sekolah. Semasa di sekolah menengah pula, kami berdua bermain hoki. Aku masih dengan posisi penjaga gol, dan dia masih menjadi kapten pasukan sekolah. Masuk ke alam pengajian tinggi pula, aku berhenti bermain sukan kerana mengalami kecederaan di lutut semasa tingkatan empat, manakala dia masih bermain sukan, kali ini ragbi, mewakili universiti kami melawan universiti lain.

Sepanjang tempoh perkenalan aku dengan dia, tidak pernah sekalipun aku nampak dia tergedik-gedik seperti lelaki lain yang aku tahu memang sukakan lelaki. Dia tidak lembut. Tidak pula dia pernah melakukan hal-hal keperempuanan di hadapan aku. Jadi, bagaimana dia boleh sukakan lelaki?

Atau mungkinkah apa yang dia rasakan itu hanya suatu fasa? Fasa ingin tahu atau fasa keliru dengan identiti sendiri, mungkin kerana pengaruh rakan-rakan atau media massa? Fasa yang dia akan alami cuma buat seketika dan esok-lusa fasa itu akan hilang dan dia akan kembali, 'normal'?

Atau benda ini memang naluri

yang dia sudah rasakan sejak dia kecil lagi? Seperti aku tahu naluri aku yang suka akan perempuan memang telah terbit sejak aku di bangku sekolah lagi, dan mungkin benda yang sama berlaku padanya? Cuma daripada dia sukakan perempuan, dia lebih cenderung untuk sukakan lelaki?

Atau sesuatu pernah berlaku pada dirinya semasa dia kecil dahulu yang menyebabkan dia celaru dengan seksualitinya? Mungkin, simpang-malaikat-empat-puluh-empat, dia pernah dicabul dan disebabkan benda yang terjadi itu yang menyebabkan dia beralih arah untuk mempunyai rasa suka pada lelaki?

Apa yang patut aku lakukan padanya? Pernah aku baca satu artikel yang tular di Twitter, menyatakan seorang yang homoseksual, sepatutnya dipulaukan oleh orang ramai. Malah, menurut artikel itu juga, seorang gay, tidak dibenarkan masuk langsung ke dalam rumah seorang muslim. Apa aku patut lakukan benda yang sama pada dia? Agar dia berubah kembali menjadi normal? Namun, betulkah perkara itu?

Aku tak rasa dengan memulaukan mereka, semua benda akan menjadi lebih baik. Aku tahu agama aku menganjurkan untuk melakukan perkara yang baik-baik saja. Kenapa aku tak rasa memulaukan golongan mereka itu sesuatu yang baik, memandangkan ada benda yang jauh lebih elok yang boleh kita lakukan, seperti menyantuni mereka contohnya?

Dan patutkah kita memaksa seseorang itu menukar seksualiti mereka hanya kerana ia berlawanan dengan norma masyarakat? Apa jadi jikalau ada orang yang memaksa aku untuk menukar rasa suka aku kepada perempuan, menjadi rasa suka aku pada lelaki? Sudah pasti aku tidak akan dapat melakukannya, kerana memang sudah aku dilahirkan untuk menyukai perempuan. Apakah benda yang sama akan dirasai dia?

Dan terus saja aku teringat akan kata-katanya pada awal pertemuan kami tadi. Dia sudah tidak punya siapa-siapa untuk mengadu nasib, melainkan aku. Sungguh, aku mengeji perbuatan bapanya, seorang imam warak yang disampuk setan itu.

Aku letakkan cangkir aku sudah kosong ke atas meja. Wajahnya aku tatap lama. Bibirku meleret, membentuk segaris senyuman, lalu aku tuturkan ayat ini padanya.

Jadi? Aku kisah apa kalau kau gay? Kita masih kawan bukan?

Dan riak bersahajanya retak, mengalirkan segaris air mata jernih di pipi kiri dan kanannya. Dan aku memesan secangkir kopi lagi.

KUDA

Gagah pantas sang kuda membawa Ashurbanipal berhunus busur dan panah berburu singa terpatat sekeping cerita pada alabaster tua.

Bonaparte dan kuda hitam menghunus dada kepada masa depan lalu sedampar gurun bersaksi Piramid dan Sphinx purba kaku dan melutut membalas renungan penakluk.

Hulubalang Melayu lama dalam hikayat ceritera panji berkuda putih pelana emas gagah berani terlalu tangkas tika berperang lasykar berlaksa pengiring memacu kuda belaka.

Bersalah rasanya aku sekarang membawa anakku yang perempuan menunggang kuda Titiwangsa manja-manja talinya ditarik berleumpang atas pasir lunak. Sebulan lepas di Batu Buruk kudanya berkeliling di tempat sama sekali naik beberapa ringgit mengharap senyum anak naifku yang mudah terbit.

NAJIBAH ABU BAKAR



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (1082296-U)

KENYATAAN TAWARAN

1. Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd mempelawa Kontraktor-kontraktor yang memiliki syarat - syarat pendaftaran seperti di bawah untuk membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

Perihal Kerja/No. Tender/ Harga Dokumen	Syarat Pendaftaran	Tarikh Jual Dokumen / Tutup Tender	Taklimat & Lawatan Tapak (Diwajibkan)
1. IMPLEMENTATION OF PRESSURE TRANSIENT MONITORING SYSTEM FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR TRUNK MAINS NETWORKS No.tender: AIS/DD/T13/10/2017 Harga dokumen: Tiada	1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Tarikh Kutipan Dokumen 2/11/2017 hingga 9/11/2017 Tarikh Tutup Tender 16/11/2017	Tarikh & Masa Taklimat: 1 / 11 / 2017 (Rabu), 10.00 pagi Lokasi: Ibu Pejabat, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd Tingkat G, Bilik Auditorium, Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur Pegawai Untuk Dihubungi: En. Mohd Paizal Baharudin (No.H/P: 012-3359707)
2. Upgrading & Replacement of Coarse Screens & Other Associated Work for Intake Station at Bukit Tampo WTP No.tender: AIS/OS/T1/11/2017 Harga dokumen: RM318.00	1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred: Minimum G4 Kategori: ME / CE Pengkhususan: M15: Kelengkapan Mekanikal pelbagai; atau M19: Pemasangan Kelengkapan Loji; atau M20: Penyelenggaraan Am Mekanikal; atau CE20: Sistem Bekalan Air DAN 2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Gred: Minimum C3 atau D (Bekalan Air)	Tarikh Jual Dokumen 02/11/2017 hingga 10/11/2017 Tarikh Tutup Tender 21/11/2017	Tarikh & Masa Taklimat: 01/11/2017 (Rabu), 10.30 pagi Lokasi: Loji Rawatan Air Bukit Tampo, Dengkil Pegawai Untuk Dihubungi: En. Mohd Hafisham Hasim (No. H/P: 012-226 6042) En. Muhammad Taufiq (No. H/P: 017-607 6762) En. Mohd Ariff Majid (No.H/P: 017-397 4432)
3. Upgrading & Installation of New Mechanical Screen & Other associated works for intake Station at Sg Gombak WTP No.tender: AIS/OS/T4/11/2017 Harga dokumen: RM318.00	1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred: Minimum G4 Kategori: ME / CE Pengkhususan: M15: Kelengkapan Mekanikal pelbagai; atau M19: Pemasangan Kelengkapan Loji; atau M20: Penyelenggaraan Am Mekanikal; atau CE20: Sistem Bekalan Air DAN 2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Gred: Minimum C3 atau D (Bekalan Air)	Tarikh Jual Dokumen 03/11/2017 hingga 14/11/2017 Tarikh Tutup Tender 21/11/2017	Tarikh & Masa Taklimat: 03/11/2017 (Jumaat), 10.00 pagi Lokasi: Muka Sauk Loji Sg Gombak, Batu 12 Gombak. Pegawai Untuk Dihubungi: En. Mahadzir (No. H/P: 012-226 1412) En. Mustarizal (No. H/P: 019-352 8046) En. Ridhwan (No.H/P: 012-356 5486)
4. PROPOSED REPLACEMENT OF PENSTOCKS, COARSE SCREENS, AND OTHER RELATED WORKS AT SG. LANGAT WTP No.Tender: AIS/OS/T2/11/2017 Harga dokumen: RM318.00	1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred: Minimum G4 Kategori: ME / CE Pengkhususan: M15 : Kelengkapan Mekanikal Pelbagai atau M19 : Pemasangan Kelengkapan Loji atau M20 : Penyelenggaraan Am Mekanikal atau CE20 : Sistem Bekalan Air DAN 2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Gred: Minimum C3 atau D (Bekalan Air)	Tarikh Jual Dokumen 03/11/2017 hingga 10/11/2017 Tarikh Tutup Tender 23/11/2017	Tarikh & Masa Taklimat: 02/11/2017 (Khamis), 2.30 petang Lokasi: Loji Rawatan Air Sg. Langat, Batu 10, 43100 Jalan Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Pegawai Untuk Dihubungi: MOHAMAD SHAFFIQ ROZAK (No. H/P: 019-9560 065) AZRIN RAMLI (No. H/P: 012- 3404 194)
5. PROPOSED UPGRADING AND REPLACEMENT OF MECHANICAL BANDSCREENS, AUTOMATIC STRAINER SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SG LANGAT WTP No.Tender: AIS/OS/T3/11/2017 Harga dokumen: RM530.00	1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred: Minimum G5 Kategori: ME / CE Pengkhususan: M15 : Kelengkapan Mekanikal Pelbagai atau M19 : Pemasangan Kelengkapan Loji atau M20 : Penyelenggaraan Am Mekanikal atau CE20 : Sistem Bekalan Air DAN 2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Gred: Minimum C2 atau D (Bekalan Air)	Tarikh Jual Dokumen 03/11/2017 hingga 10/11/2017 Tarikh Tutup Tender 23/11/2017	Tarikh & Masa Taklimat: 02/11/2017 (Khamis), 10.00 pagi Lokasi: Loji Rawatan Air Sg. Langat, Batu 10, 43100 Jalan Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Pegawai Untuk Dihubungi: MOHAMAD SHAFFIQ ROZAK (No. H/P: 019-9560 065) AZRIN RAMLI (No. H/P: 012- 3404 194)
6. SUPPLY AND DELIVERY OF CLAMP ON FLOW METER SET (ULTRASONIC), CORRELATOR SET, MACHINERIES, SPECIAL TOOLS & ACCESSORIES FOR AIR SELANGOR No.Tender: AIS/SO/T12/10/2017 Harga dokumen: RM530.00	1. Kementerian Kewangan Malaysia MOF Kod Bidang 100101- Semua Peralatan Sukatan / Ukuran Atau Kod Bidang 130101 – Mesin dan Kelengkapan Bengkel Atau Kod Bidang 130102 – Mesin dan Kelengkapan Khusus	Tarikh Jual Dokumen 01/11/2017 hingga 10/11/2017 Tarikh Tutup Tender 17/11/2017	-Tiada-

- Naskhah Meja Tender akan dipamerkan mulai tarikh dokumen dijual pada waktu pejabat di Jabatan Perolehan, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., Tingkat 32, TM Annexe 2, Jalan Pantai Jaya, Off Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur. Sila hubungi No. 03-2088 5798 / 5386 untuk sebarang pertanyaan urusan pembelian dokumen tender.
- Dokumen dijual secara 'softcopy' dan tuan/puan dikehendaki membawa pen drive yang bebas dari virus bagi pembelian dokumen tersebut. Sekiranya pentender tidak membawa pen drive, caj bayaran akan dikenakan sebanyak DUA KALI GANDA HARGA TENDER untuk pembelian secara 'Hardcopy'.
- Setiap petender hanya dibenarkan membeli satu Dokumen Tender dan mengemukakan satu tawaran sahaja berbentuk 'Hardcopy'.
- Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat pembayaran secara Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Draf Bank yang dibuat atas nama "Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd." sebagai bayaran Dokumen Tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai tidak diterima.
- Jika tidak hadir sendiri, wakil syarikat/kontraktor hendaklah membawa surat pengesahan wakil yang telah dituliahkan. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja.
- Wakil-wakil kontraktor/syarikat hendaklah membawa sijil asal berkaitan di atas berserta salinannya.
- Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disediakan pada tarikh tender ditutup di alamat :

Jabatan Perolehan,
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.,
Tingkat 32, TM Annexe 2,
Jalan Pantai Jaya, Off Jalan Pantai Baharu,
59200 Kuala Lumpur

pada hari tersebut tidak lewat dari jam 3.00 petang pada tarikh tutup tersebut.

- Maklumat mengenai kenyataan tawaran ini boleh diakses melalui laman web <https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1>

Walaupun notis Tender ini dikeluarkan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., penganugerahan kepada penender yang berjaya untuk kerja-kerja/pembekalan yang disebutkan di atas juga boleh diberikan oleh mana-mana anak syarikat Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

*Harga dokumen tender/sebut harga termasuk 6% Cukai Barangan & Perkhidmatan (CBP)/Goods & Services Tax (GST).

Projek Green Hut

Lestari pentadbiran MPAJ

OLEH **ERMIZI MUHAMAD**

SHAH ALAM - Pembangunan projek Green Hut, di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mampu mewujudkan amalan kelestarian hijau keseluruhannya.

Yang Dipertua MPAJ, Abdul Hamid Hussein berkata, pelaksanaan sekali gus mampu memberi kesan positif terhadap pengurusan sampah, di kawasan perumahan berstrata.

Katanya, projek itu juga membolehkan pengurusan ruang pembangunan sampah tidak

teratur dan tidak mesra kepada kesejahteraan alam sekitar diurus secara berkesan.

"Kualiti kebersihan dan pengurusan sisa sampah domestik yang tidak teratur, di sesebuah kawasan berstrata boleh menyebabkan berlaku pencemaran bau, secara tidak langsung boleh menjurus kepada pencemaran alam sekitar.

"Sisa sampah dan pepejal yang tidak diasingkan mengikut jenis akan menyukarkan dan memanjangkan proses kutipan sampah.

"Tambah, sampah yang tidak dikitar semula akan memanjangkan lagi tempoh peng-

uraian, terutama seperti plastik dan aluminium.

"Justeru, atas keperluan itulah mendesak sistem ini dilaksanakan kini untuk menambah baik pengurusan sisa pepejal MPAJ," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, projek Green Hut diperkenalkan MPAJ selaras dasar perbandaran hijau diperkenalkan Kerajaan Negeri bagi mewujudkan sistem pengurusan sisa bersepadu dan kos efektif serta memberi keutamaan kepada pengurusan sisa melalui 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*).

"Projek ini dilaksanakan ha-

sil kerjasama bahagian COB dengan Pihak Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Nusa Kurnia.

"Projek ini diwujudkan bagi mewujudkan kesedaran penduduk untuk kitar semula dan mendidik penduduk mengasingkan sampah dengan kaedah mewujudkan ruang khas membuang sampah domestik dan sampah kitar semula.

"Perkara ini seiring fungsi COB untuk memastikan kawasan pemajuan berstrata diurus dan diselenggara dengan baik serta memenuhi peruntukan undang-undang sedia ada," katanya.



Abdul Hamid Hussein



Majlis Perbandaran Klang komited memastikan isu sampah di kawasan itu tidak berulang

Tanam pokok atasi isu sampah haram

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) melaksanakan inisiatif menanam 166 pokok jenis 'Eugenia', di beberapa lokasi sekitar bandar itu bagi mengatasi masalah pelupusan sampah haram daripada berulang.

Yang Dipertuanya, Dato' Mohamad Yasid Bidin berkata, langkah bijak itu dilaksanakan dengan kerjasama Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) bagi menunaikan tanggungjawab menghijaukan alam sekitar.

Katanya, program itu bertujuan membanteras pihak tidak bertanggungjawab daripada terus melonggok sampah secara

haram, di lokasi berkenaan.

"Mengikut data operasi, 154,296.25 tan sampah dibersihkan di sekitar Klang sehingga September dan 28,324.49 tan sampah haram (Januari September lalu) dibersihkan dengan sebahagian besarnya dari tapak pembuangan sampah haram.

"Saya berharap aktiviti ini akan menyemai budaya menjaga kebersihan dan pemeliharaan persekitaran hijau dalam kalangan warga Klang," katanya.

Beliau berkata, masyarakat juga perlu berperanan sebagai warga lebih peka dan bertanggungjawab dengan menghubungi Pihak Berkuasa Tempatan itu

apabila ternampak pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah secara haram.

Pada masa sama, Mohamad Yasid berkata, MPK turut menghargai komitmen ditunjukkan JKP dan ahli majlis yang banyak membantu dalam program penanaman pokok, di 21 lokasi, di bandar itu.

"Daripada jumlah itu, 17 berjaya ditutup dan langkah proaktif untuk mengurangkan masalah pembuangan sampah secara haram termasuk penguat kuasa sentiasa diperhebat dari masa ke masa.

"Sebanyak 27 kenderaan juga disita sehingga September lalu dan 87, pada tahun lalu kerana kesalahan itu," katanya.

6,050 pokok hiasi Shah Alam

SHAH ALAM - Sebanyak 6,050 pokok ditanam, di sekitar kawasan Dataran Kemerdekaan, hasil inisiatif bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Kumpulan Panasonic, baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, Kumpulan Panasonic menyumbangkan RM30,000 kepada MBSA, dalam menjayakan *Shah Alam Trees For Life*.

"Antara pokok ditanam adalah rajah kayu, bunga kertas, mengkudu siam, Texas ranjer dan kesina merah," katanya dalam kenyataan.

Ia membabitkan 600 peserta termasuk 360 warga kerja Kumpulan Panasonic di Lembah Klang, 240 sukarelawan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Audit Selangor, Balai Polis Seksyen 11, Tenaga Nasional Berhad, Telekom serta warga kerja MBSA.

Shahrin berkata, MBSA sentiasa komited menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya ren-

Antara pokok ditanam adalah rajah kayu, bunga kertas, mengkudu siam, Texas ranjer dan kesina merah

SHAHRIN AHMAD
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA

dah karbon menjelang 2030.

"Antara usaha kita termasuk pelaksanaan program Inisiatif Hijau Shah Alam seperti Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan, Perintis Hijau, Kebun di Sekolah, Kebun Komuniti, penyediaan trek basikal Shah Alam," katanya.

Program disempurnakan Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad dan Timbalan Pengarah Urusan, Panasonic Management Malaysia Sdn Bhd, Mr Hiroyuki Imizu.

MBPJ roboh lima premis haram

PETALING JAYA - Sebanyak lima premis haram dirobohkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Ibu Pejabat Daerah (IPD) Petaling Jaya, pada 19 Oktober lalu.

Menurut laman Facebook MBPJ, operasi dilaksana berdekatan Mentari Court, Sungai Way bermula jam 7.30 pagi dan berakhir, pada jam 10.30 pagi hari sama.

Ops Roboh itu memusnahkan lima premis yang dijadikan dua kedai makan, sebuah kedai runcit, sebuah kedai gunting rambut dan sebuah kedai cuci kereta.

Difahamkan premis atau struktur binaan haram itu dibina di atas tanah milik kerajaan dan penduduk tempatan, namun pekerja di premis itu terdiri daripada warga asing dari Bangladesh

dan Pakistan.

Operasi itu berjalan lancar tanpa rusuhan atau protes daripada pemilik premis.

Turut serta dalam operasi terbabit ialah wakil Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pejabat Tanah Daerah Petaling serta Pejabat Tanah dan Galian Selangor.



Peserta menanam pelbagai jenis pokok menghiasi jalan dan persekitaran bandar raya Shah Alam



Ramli menerangkan fungsi lori kompaktor KDEBWM kepada Exco Selangor, Ean Yong Hian Wah dan Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain

Hanya tunggu lampu hijau

KDEBWM bakal urus pembersihan awam MPAJ

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) dijangka mengambil alih 100 peratus kerja pembersihan awam, di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), bermula awal Disember ini.

Pengurus Besarannya, Ramli Mohd Tahir berkata, pihaknya kini hanya menunggu lampu hijau daripada MPAJ untuk melengkapkan prosedur pengambilalihan secara rasmi.

Katanya, MPAJ dijangka memutuskan perkara berkenaan menerusi mesyuarat penuh Pihak Berkuasa Tempatan itu, dalam tempoh terdekat.

"Seperti di Majlis Perbandaran Klang (MPK), kita juga akan menyediakan lori Roll On Roll Off (RORO) bagi memastikan sampah pukal dapat diangkut dan dibuang pada setiap hari.

"Begitu juga dengan sapuan, kita akan lakukan setiap hari, lori akan datang alih sampah mengikut prosedur operasi standar (SOP) disediakan," katanya.

Pada Julai 2016, KDEBWM mula menggalas tang-

gungjawab mengambil alih pengurusan sisa pepejal, di MPK dan berjaya mengurangkan jumlah aduan dari 800 sehingga tujuh, pada Jun lalu.

Pada 1 Mac 2017, KDEBWM mula mengambil alih pembersihan awam, di MPK secara berperingkat dan sehingga kini bertanggungjawab ke atas 80 peratus kawasan, di Klang.

Pada masa sama, KDEBWM diberi tanggungjawab mengambil alih pengurusan sisa pepejal, di MPAJ dan Majlis Perbandaran Selangor (MPS).

Aduan berhubung pengurusan sampah di MPAJ berkurangan kepada enam pada Jun lalu, berbanding 227 diterima, Mac lalu.

KDEBWM adalah anak syarikat Pembedaan Menteri Besar (Menteri Besar Incorporated-MBI) yang bertanggungjawab sebagai koordinator pengurusan projek di kawasan pentadbiran MPK, MPAJ dan MPS.

Enam tanjakan haram dipecah

SHAH ALAM - Sebanyak enam tanjakan (*ramp*) dipecahkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerusi Operasi Bersepadu Memecah Tanjakan, baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, operasi berkenaan turut mengenakan tindakan terhadap empat premis kerana membina tanjakan tanpa kebenaran, selain mengeluarkan empat kompaun.

Katanya, operasi dilaksana bagi mengesan dan menangani masalah pemilik premis perniagaan menyalahgunakan parkir untuk tujuan perniagaan tanpa kebenaran majlis.

"MBSA memohon mereka berhasrat

sedemikian membuat permohonan sewaan petak khas terlebih dahulu sebelum menggunakan tempat letak kereta untuk tujuan perniagaan.

"Tindakan tegas termasuk memecahkan tanjakan dan kompaun akan dikenakan kepada pemilik premis yang membina tanjakan haram di hadapan premis," katanya.

MBSA turut menggunakan jentera 'excavater' untuk menanggalkan tanjakan haram.

Shahrin berkata, penggunaan parkir tanpa kebenaran untuk tujuan perniagaan merupakan kesalahan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133).

MDKS anjur program kesedaran denggi

KUALA SELANGOR - Sebanyak lima sekolah rendah dan lima sekolah menengah terpilih mengikuti program Taklimat Denggi anjuran Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunannya, Mohamad Yusli Askandar berkata, satu pasukan khas diwujudkan terdiri dalam kalangan murid dan guru bagi menjalankan kerja pencegahan denggi, di setiap sekolah.

Katanya, mereka akan dibimbing dan diberi tunjuk ajar serta perlu menghantar laporan bulanan kepada Unit Kawalan Vektor MDKS.

"Dengan membabitkan pelajar sekolah dalam program kesedaran dan pembasmian denggi, mereka lebih maklum betapa bahayanya

penyakit ini.

"Kita percaya, mereka akan mengamalkan apa yang dipelajari dan seterusnya menangani masalah berkenaan, di kawasan tempat tinggal," katanya.

Mohamad Yusli berkata, orang ramai juga dinasihatkan untuk lebih berhati-hati dan memeriksa peralatan berpotensi menjadi takungan air.

"Mereka juga boleh bekerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan seterusnya bersama memerangi Aedes dan denggi," katanya.

Aduan secara dalam talian boleh dilakukan menerusi aplikasi SPARKs yang boleh dimuat turun secara percuma di Play Store dan App Store.



Setiap sekolah turut menerima sumbangan 'Spray Can' dan peralatan lengkap bagi menjalankan kerja membasmi jentik-jentik

KENYATAAN TENDER

PKNS Real Estate Sdn Bhd mempelawa syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menyertai panggilan tender seperti berikut:

TAJUK	SYARAT ASAS	TEMPAT DAN TARIKH AMBIL DOKUMEN	TEMPAT DAN TARIKH LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP & TEMPAT HANTAR DOKUMEN TENDER
TENDER MEMBEKAL TENAGA PEKERJA SERTA SEGALA PERALATAN YANG BERKAITAN UNTUK PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN BANGUNAN DI MENARA PKNS PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TEMPOR TIGA (3) TAHUN No. Tender: PKNSRE/MPPJ/2017/BQ/048	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah Kod Bidang 221001 - Pembersihan Bangunan dan Pejabat	PKNS Real Estate Sdn Bhd, Tingkat Bawah, Menara PKNS P.J. No. 17, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan Tel: 03-7954 1732 Tarikh: 30/10/2017 (ISNIN) Masa: (Selepas taklimat tapak) Harga Tender: RM318.00 (Termasuk 6% GST)	PKNS Real Estate Sdn Bhd, Tingkat Bawah, Menara PKNS P.J. No. 17, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan Tel: 03-7954 1732 Tarikh: 30/10/2017 (ISNIN) Masa: 10.30 pagi (Kehadiran adalah WAJIB)	PKNS Real Estate Sdn Bhd (Ibu Pejabat), 3F-05, Tingkat 3, SACC Mall, Jalan Perbadanan 14/9, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel: 03-5520 4567 Tarikh: 13/11/2017 (ISNIN) Masa: SEBELUM 12.00 TENGAH HARI

Berikut adalah syarat-syarat tambahan tender:

- Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Syarikat mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun di dalam bidang Pembersihan Bangunan dan Pejabat.

Nota:

- Pengambilan dokumen tender perlu disertakan dengan satu (1) salinan dokumen seperti berikut:-
 - Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MOF) yang masih aktif
 - Surat Pengesahan Pendaftaran GST (jika berkaitan)
 - Surat perwakilan kuasa (Sekiranya pemilik syarikat tidak dapat hadir)
- Kehadiran lawatan tapak adalah **WAJIB** bagi setiap Syarikat.
- Pembayaran bagi pembelian dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk **WANG POS** atau **DRAF BANK** di atas nama **PKNS REAL ESTATE SDN BHD**.
- Tender hendaklah dihantar dalam sampul surat bermetri dan dituliskan tajuk projek disebelah kiri atas sampul surat berkenaan serta dialamatkan seperti di bawah **TIDAK LEWAT** daripada **JAM 12.00 TENGAH HARI** pada **tarikh tutup tender** yang telah dinyatakan di atas.
- Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan dan keputusan syarikat adalah muktamad.
- Hanya syarikat yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga.
- Pihak PKNS Real Estate Sdn Bhd **tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah** ataupun lain-lain tawaran yang dikemukakan tanpa sebarang sebab.

Satu lagi projek oleh:

PKNS Real Estate Sdn Bhd (983834-W)
No. 3F-05, Tingkat 3, SACC Mall, Jalan Perbadanan 14/9, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-5520 4567 Faks: 03-5518 1010

OLEH AFEEQA AFEERA

Kerjasama Selangor-Padang

Cetus impak berganda nusantara Melayu

PADANG - Universiti Selangor (UNISEL) yang dimiliki sepenuhnya Kerajaan Negeri boleh memainkan peranan menghubungkan kedua wilayah antara Padang, Indonesia dengan Selangor.

Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti UNISEL, Profesor Dr Shahrudin Badaruddin berkata, kerjasama antara kedua wilayah itu, khususnya dalam aspek perdagangan, sosial dan ekonomi boleh mencetuskan impak berganda kepada seluruh nusantara Melayu.

"Usaha membangunkan wilayah nusantara melalui penelitian mesti diberi keutamaan sebagai membalas pelaburan pendidikan tinggi yang sangat besar. Biaya pendidikan semakin mahal.

"Pelaburan dikeluarkan menuntut perjuangan setimpal. Kecanggihan teknologi dan inovasi, pada hari ini perlu diambil peluang oleh setiap perguruan tinggi memenuhi permintaan industri yang mula beralih dari *labour intensive kepada high technology and capital intensive industry*," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan aluannya sempena Persidangan Tahunan Ekonomi, Perniagaan, Perakaunan dan Sains So-

sial (ACEBASS) 2017, di Aula Bank Indonesia, baru-baru ini.

Pada masa sama, Dr Shahrudin berkata, pelaburan nilai tinggi menerusi pendidikan yang bakal diperolehi akan membangunkan wilayah nusantara menghadapi persaingan global.

Katanya, cabaran global seperti ASEAN Economic Community menuntut semua pihak mewujudkan hubungan perdagangan supaya menjana pertumbuhan dan memakmurkan masyarakat ASEAN, termasuk Selangor juga Padang.

"Universiti boleh memainkan peranannya menghubungkan kerajaan, industri dan universiti negara serantau melalui jaringan pendidikan dengan institusi berkenaan bersama profesor serta pelajar.

"Semoga kerjasama ini akan berterusan sehingga kelihatan impak berganda yang positif kepada semua pihak," katanya.



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS) KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang pengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

DEVELOPMENT OF AN EXTENDED LUAS INTELLIGENT SUPPORT SYSTEM FOR SUSTAINABLE WATER RESOURCE MANAGEMENT FOR SUNGAI LANGAT

No Tender	Kod Bidang	Tempoh Penjualan Tender	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Tender
LUAS/T/04/2017	210103 / 210104 / 210105	20 Oktober 2017 hingga 9 November 2017 ISNIN - KHAMIS 8.30 pagi - 1.00 petang 2.00 petang - 4.30 petang JUMAAT 8.30 pagi - 12.15 tengah hari 2.45 petang - 4.30 petang	RM50.00	9 November 2017 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal **Bumiputera** hendaklah mengemukakan sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

Satu salinan sijil Kementerian Kewangan Malaysia (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan LUAS semasa membeli dokumen. LUAS berhak menolak permohonan yang pada tanggapan LUAS tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara Tunai / Bank Draf / Wang Pos atas nama Lembaga Urus Air Selangor. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender sahaja.

4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat di alamat seperti di bawah. Dokumen tidak akan dijual selepas tempoh ini.

5. Dokumen tender yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Tender** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di pejabat :-

Pengarah
Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
Tingkat 13 Bangunan Darul Ehsan
No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

6. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima.

UNISEL-Dharma Andalas lahir graduan berkualiti

PADANG - Gandingan antara universiti tidak kira tempatan mahupun antara-bangsa diperlukan bagi memastikan kualiti pendidikan dalam kalangan pelajar berada pada tahap terbaik.

Rektor Universitas Dharma Andalas, Dr Rahmi Fahmy berkata, komitmen itu dizahirkan menerusi kerjasama dengan Universiti Selangor (UNISEL) bagi mempersiapkan pelajar terhadap dunia kerja yang semakin mencabar.

"Populasi rakyat Indonesia tinggi dan mencari kerja semakin sukar hari ini, justeru kita harus mempersiapkan pelajar dengan pendidikan berkualiti.

"Itulah kepentingan kolaborasi kerana cabaran pada masa hadapan memerlukan standard tinggi dan kita perlu mengenal pasti kemahiran yang ada untuk memastikan skop kerja itu lebih meluas.

"Kita sentiasa komited memperbaikinya (ke arah lebih baik)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Persidangan Tahunan Ekonomi, Perniagaan, Perakaunan dan Sains Sosial (ACEBASS), di Aula Bank Indonesia, pada 15 Oktober lalu.

Pada masa sama, beliau turut menghargai usaha UNISEL menjalin kerjasama menerusi program pertukaran pelajar, pengajuran seminar termasuk perkongsian idea juga kajian.

"Kolaborasi ini sangat bagus dan menjadi salah satu cara pelajar menjadi kompetitif berdepan saingan hari ini.



Itulah kepentingan kolaborasi kerana cabaran pada masa hadapan memerlukan standard tinggi dan kita perlu mengenal pasti kemahiran yang ada untuk memastikan skop kerja itu lebih meluas

RAHMI FAHMY
Rektor Universitas
Dharma Andalas

"Diharapkan kerjasama ini terus berlanjutan memabitkan komitmen pelajar, pensyarah juga universiti untuk meluaskan wawasan kita supaya menjadi lebih baik," katanya.



Informasi Terkini di jari anda



MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Pertandingan Menulis Khutbah

JAIS sedia hadiah RM5,000

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Umat Islam dipelawa menyertai Pertandingan Menulis Khutbah Jumaat 2017 anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan merebut hadiah hampir RM5,000.

Pemenang tempat pertama bakal menerima RM1,500, kedua (RM1,200), ketiga (RM1,000), keempat (RM600) dan sepuluh penerima sugu hati masing-masing ditawarkan RM500.

Menerusi laman sesawang JAIS, pertandingan itu bertujuan menggalakkan penghasilan khutbah Jumaat yang dapat memberi kefahaman dan kesedaran Islam kepada jemaah.

Ia juga bertujuan mencungkil bakat penulis baru menerusi medium penulisan khutbah.

Pertandingan terbuka kepada semua warganegara Malaysia beragama Islam berumur 18 tahun ke atas.

Pilihan tajuk adalah bebas tetapi terasnya hendaklah ber-



asaskan al-Quran dan as-Sunnah, akidah, ibadah, muamalat, munakahat, jenayah, dakwah atau sejarah, hari raya, hari kebesaran, akhlak atau tasawwuf dan isu semasa atau tasawwur Islam.

Teks khutbah mestilah karya asli penulis dan bukan terjemahan, saduran atau penyediaan daripada khutbah lain yang belum pernah diterbitkan.

Borang penyertaan boleh diperolehi daripada urus setia pertandingan, di Bahagian Pengurusan Masjid JAIS, di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut atau muat turun borang penyertaan di www.jais.com.my.

Tarikh tutup penyertaan adalah 10 November ini.

Pemenang tempat pertama bakal menerima RM1,500, kedua (RM1,200), ketiga (RM1,000), keempat (RM600) dan sepuluh penerima sugu hati masing-masing ditawarkan RM500

WAKTU SOLAT SELANGOR							
27 OKTOBER - 3 NOVEMBER 2017							
7 - 14 SAFAR 1439H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	5:30	5:40	6:56	1:00	4:19	6:59	8:09
28 Sabtu	5:30	5:40	6:56	1:00	4:19	6:59	8:09
29 Ahad	5:30	5:40	6:56	1:00	4:19	6:59	8:09
30 Isnin	5:30	5:40	6:56	1:00	4:19	6:58	8:09
31 Selasa	5:30	5:40	6:56	1:00	4:20	6:58	8:09
01 Rabu	5:30	5:40	6:56	1:00	4:20	6:58	8:09
02 Khamis	5:30	5:40	6:56	1:00	4:20	6:58	8:09
03 Jumaat	5:30	5:40	6:56	1:00	4:20	6:58	8:09
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	5:32	5:42	6:58	1:02	4:21	7:01	8:11
28 Sabtu	5:32	5:42	6:58	1:02	4:21	7:01	8:11
29 Ahad	5:32	5:42	6:58	1:02	4:21	7:01	8:11
30 Isnin	5:32	5:42	6:58	1:02	4:22	7:01	8:11
31 Selasa	5:32	5:42	6:58	1:02	4:22	7:00	8:11
01 Rabu	5:32	5:42	6:58	1:02	4:22	7:00	8:11
02 Khamis	5:32	5:42	6:58	1:02	4:22	7:00	8:11
03 Jumaat	5:32	5:42	6:58	1:02	4:22	7:00	8:11

YIDE segera bantu Tahfiz Ihya UI-Quran

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera menghulurkan sumbangan 'Ad-Hoc' wang tunai kepada Akademi Tahfiz Ihya UI-Quran, Kampung Bukit Lanchong, yang terbakar, baru-baru ini.

Pengurus Operasi Bahagian Sumbangan dan Promosi YIDE, Md Arifin Jaafar berkata, ia merupakan sebahagian inisiatif Kerajaan Negeri menerusi YIDE membantu meringankan beban pusat tahfiz yang terjejas itu.

"Kami bersyukur tiada kemalangan jiwa berlaku, di sini seperti yang menimpa anak syurga, di Tahfiz Ittifaqiyah, yang sehingga kini masih mengundang kesedihan semua.

"Semoga Akademi Tahfiz Ihya UI-Quran segera pulih bagi membolehkan anak ini meneruskan pengajian mereka,"

katanya.

Md Arifin berkata, seramai 17 pelajar pusat tahfiz itu kini berehat di rumah masing-masing, sementara proses baik pulih bangunan dibuat.

"Kami juga berharap lebih banyak pihak tampil membantu pusat tahfiz ini, termasuk agensi kerajaan dan pihak swasta.

"Semoga usaha kita dapat memberi kesesuaian kepada pelajar serta memudahkan mereka untuk segera menyambung semula pengajian,"katanya.

Pada 22 Oktober lalu, Akademi Tahfiz Ihya UI-Quran musnah kira-kira 20 peratus dalam insiden kebakaran sekitar jam 8.15 malam.

Terdahulu, Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Da-

royah Alwi berkata, Kerajaan Negeri sedang meneliti bentuk bantuan untuk disalurkan kepada asrama berkenaan.



Akademi Tahfiz Ihya UI-Quran musnah kira-kira 20 peratus dalam insiden kebakaran, pada 22 Oktober lalu

STEM SELANGOR
SCIENCE TECHNOLOGY ENGINEERING & MATHEMATIC

EXHIBITION

04 - 05 November 10 am - 10 pm | SACC CONVENTION CENTRE

2017

SEMUA DIJEMPUT HADIR
Antara aktiviti menarik :
PERTANDINGAN ROBOTIK, SMART SELANGOR OPEN INNOVATION COMPETITION, KELAS BIMBINGAN PEMBELAJARAN, CABUTAN BERTUAH & banyak lagi yang menarik.

Untuk Pertanyaan sila hubungi
+6012 209 1084
+6016 398 0938

ORGANISED BY: HZZHResources SUPPORTED BY: NATIONAL STEM MOVEMENT, MBI

Rekabentuk Sejagat

Selangor ke arah inklusif



OLEH LIZAWATI MADFA

PETALING JAYA - Semua Pihak Berkuasa Tempatan diseru menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Rekabentuk Sejagat seperti dilaksanakan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, jawatankuasa itu berperanan besar menjayakan hasrat Selangor berkembang maju dilengkapi persekitaran terbina tanpa halangan.

Katanya, Selangor harus memelopori pembinaan bandar mudah dicapai dan bergerak tanpa halangan fizikal, sosial dan ekonomi.

"Hasrat ini menuntut komitmen semua sistem kerajaan dan swasta merealisasikan persekitaran terbina tanpa halangan berasaskan kepada hak asasi saksama Orang Kelainan Upaya (OKU).

"Sasaran ini hanya dapai dicapai dengan kesedaran, penghayatan dan pengetahuan semua rakyat berkenaan istilah serta cabaran di-

lalui OKU," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Seminar dan Bengkel Rekabentuk Sejagat: Selangor Ke Arah Negeri Berdayahuni dan Inklusif, pada 23 Oktober lalu.

Hampir 200 peserta menyertai seminar dan bengkel dihoskan MBPJ antaranya wakil PBT, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Pada masa sama, Dr Daroyah berkata, Jawatankuasa Teknikal Rekabentuk Sejagat MBPJ dianggotai perancang bandar, arkitek, jurutera, arkitek landskap, kakitangan teknikal dan wakil jabatan.

"Ia bertanggungjawab menjaga kebajikan dan pakar dalam bidang reka bentuk kemudahan OKU dengan penyertaan wakil kumpulan OKU sendiri.

"Ini membolehkan semua pihak berkepentingan berkongsi pendapat, kemahiran dan kepakaran dalam merangka strategi serta program pembangunan OKU," katanya.

Lapan sekolah sertai Program Intervensi Awal

SHAH ALAM - Sebanyak lapan sekolah atau institusi kebajikan yang menjalankan Bantuan Geran Program Intervensi Awal (Early Intervention Program-EIP) menerima bantuan Kerajaan Negeri, setakat ini.

Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, bantuan itu mencecah hampir RM800,000 dari RM3 juta diperuntukkan bagi program berkenaan.

Katanya, Kerajaan Negeri menggalakkan lebih banyak institusi atau sekolah berdaftar untuk menyertai EIP.

"Kerajaan Negeri memahami dan menginsafi bahawa kos serta komitmen tinggi diperlukan bagi tujuan murni ini dalam membantu pembelajaran anak bermasalah dan memerlukan perhatian khusus.

"Kita yakin terapi ini dapat dibantu dengan meringankan kos perbelanjaan operasi dan terapi sekolah terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Karnival Kerjaya dan Pemerkasaan Ekonomi OKU Selangor, di SACC Mall, baru-baru ini.

Dr Daroyah berkata, Kerajaan Negeri juga mewujudkan kategori khas bagi penerima kad Peduli Sihat kepada pemegang kad Orang Kelainan Upaya (OKU) berdaftar, di Selangor.

Katanya, ia melayakkan pemegang kad OKU menikmati bayaran kos rawatan percuma, di klinik panel berjumlah RM50 bagi setiap kali rawatan.

"Kerajaan Negeri sudah menyediakan pelbagai inisiatif dan bantuan kepada rakyat termasuk golongan OKU.

"Kita akan terus menambah baik program sedia dan melihat ruang baru dalam memastikan kesejahteraan hidup serta hak setiap rakyat Selangor dilindungi juga dihormati," katanya.



Sharifah Mazlina bergambar kenangan bersama petugas media, pada sidang media Pelancaran Antarctica AWETA Charity Run 2018

Jom sertai Larian Amal Antartika 2018

SHAH ALAM - Orang ramai dijemput menyertai Larian Amal Antartika 2018 yang dijadual berlangsung, di Shah Alam, pada 7 Januari 2018.

Ekspeditor Negara, Dr Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir berkata, ia diadakan bagi menyokong misi ekspedisi lima wanita ke Kutub Selatan, pada November 2018.

Katanya, dana diperolehi menerusi larian amal itu akan disalurkan ke tabung All Women's Expedition To Antarctica (AWETA) bagi menampung kos ekspedisi berkenaan.

"Setakat ini, kita menerima pe-

nyertaan yang menggalakkan dan kita sasarkan penyertaan mampu mencecah sehingga 3,000 peserta," katanya pada sidang media.

Bertempat di Pejabat AWETA, di sini, ia turut disertai Pengarah Projek AWETA 2018, Dato Noorizah Abd Hamid.

Larian amal berkenaan bermula dan berakhir, di Pejabat Karangkraf terbahagi kepada dua kategori iaitu 5 kilometer (km) Fun Run serta 13km.

Peserta berpeluang memenangi wang tunai, medal unik dan hadiah menarik bagi kategori Kostum Antartika Terbaik.

Pada Mei lalu, AWETA memulakan pencarian lima Ratu Ais di beberapa lokasi seperti di Selangor, Johor, Terengganu dan Kelantan.

Noorizah berkata, pemenang 10 tempat teratas turut layak ke peringkat separuh akhir pencarian Ratu Ais.

"Pemilihan peringkat awal Ratu Ais akan berakhir pada pertengahan Januari 2018, manakala separuh akhir akan dijalankan, pada Februari 2018.

"Kita sasarkan 30 peserta untuk ke peringkat seterusnya yang akan disaring menerusi program realiti TV, selewatnya awal Mei 2018," katanya.



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI



Juara Piala Presiden

Kemarau 9 tahun berakhir

OLEH HAFIZAN TAIB

KUALA TERENGGANU - Selangor B21 muncul juara Piala Presiden 2017 apabila mengatasi Terengganu B21 dengan agregat, 2-1 walaupun tewas, 0-1.

Dengan kejayaan itu, skuad muda Merah Kuning menamatkan kemarau kejuaraan dalam tempoh sembilan tahun.

Selangor B21 menerima tentangan hebat pasukan tuan rumah dari awal

hingga akhir permainan, dalam perlawanan akhir kedua, di Stadium Sultan Ismail Nasaruddin Shah, pada 20 Oktober lalu.

Pemburuan Terengganu B21 bagi mendapatkan gol awal berhasil pada minit ke-24 menerusi Haidhir Suhaini dan ia meningkatkan semangat skuad bimbingan Mustaffa Kamal Abd Wahab untuk memburu gol seterusnya.

Selangor B21 bagaimanapun tidak memberi laluan mudah kepada Tereng-

ganu B21 dengan turut menyerang, di samping kental bertahan.

Pasukan kendalian Omar Ali itu berjaya mempertahankan kelebihan satu gol hingga wisel penamat seterusnya menghampakan tuan rumah.

Selangor B21 membawa bekalan dua gol ke Kuala Terengganu selepas mengalahkan Terengganu B21, 2-0 dalam perlawanan akhir pertama, di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, Selayang, Selangor, pada 13 Oktober lalu.

Persiapan Sukma 2018 lancar

PETALING JAYA - Kontinjen Selangor membuat persiapan rapi bagi menghadapi temasya Sukan Malaysia (Sukma) 2018 di Ipoh, Perak, tahun depan.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor melaksanakan program terbabit mengikut perancangan juga jadual ditetapkan.

"Mulai Januari tahun depan, persiapan bertambah rancak terutama dalam menyediakan misi terakhir berkaitan pemain dan atlet terbabit dalam Sukma

edisi ke-19 itu.

"Ketika ini, proses pemilihan atlet masih lagi dijalankan, pada peringkat awal dengan penilaian terhadap prestasi semasa sama ada mereka bertanding di peringkat kebangsaan atau antarabangsa juga atlet baru menonjol," katanya.

Melalui kejohanan seperti itu, katanya, MSN Selangor dapat mengenal pasti keupayaan dan kemampuan mereka membawa cabaran Selangor dalam Sukma, tahun depan.

Selangor menetapkan sasaran mengekalkan kejuaraan dimiliki, pada Sukma ke-18 di Kuching, Sarawak, tahun lalu dengan melalui pungutan 59 pingat emas, 73 perak dan 63 gangsa.



MSN Selangor sedia bantu Rob FA juara Karnival Soccerkids Shah Alam

PETALING JAYA - Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor sedia mengadakan perbincangan dengan persatuan sukan di bawah naungannya ke arah kemajuan sukan, di negeri itu.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, MSN Selangor akan menilai dan melihat bentuk bantuan berdasarkan perancangan dirangka sesuatu pertubuhan sukan itu.

"MSN Selangor sedia berbincang berkenaan perkara ini.

"Jika mereka mempunyai rancangan terhadap program pembangunan sukan, sudah pasti kita bersedia membantu dengan keupayaan dimiliki," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai respon terhadap Persatuan Sepak Takraw Selangor dan Persatuan Badminton Selangor

yang meminta Kerajaan Negeri melakukan penambahbaikan dalam pembangunan sukannya.

Mengulas lanjut, katanya, setakat ini Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sekitar RM40,000 setahun kepada semua persatuan sukan untuk program pembangunan sukan dan penyertaan dalam beberapa kejohanan.

"Walaupun saya percaya tidak cukup kepada sebahagian persatuan sukan tetapi ia memadai untuk persiapan menyediakan atlet ke kejohanan seperti Sukan Malaysia (Sukma).

"Namun begitu, terdapat persatuan sukan tertentu menyediakan program yang banyak dan tersusun.

"Kalau persatuan sukan itu sudah nampak bergerak aktif, maka ia tidak menjadi halangan kepada kita untuk memberikan sokongan," katanya.



Karnival Soccerkids Shah Alam memberi peluang pemain muda, persatuan atau kelab bola sepak menonjolkan bakat untuk digilap

SHAH ALAM - Pasukan S. Kids MBSA (A) muncul juara Karnival Soccerkids Shah Alam Edisi Ke-8, bagi kategori bawah 12 tahun selepas menewaskan KB Remaja Puchong, baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, kategori bawah 9 tahun pula diungguli pasukan ROB FA yang turut berjaya menundukkan KB Remaja Puchong.

Katanya, setiap kategori disertai 32 pasukan, menjadikan 64 pasukan bertanding bagi karnival soccerkids sempena Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Shah Alam ke-17 itu.

"Program ini merupakan landasan terbaik kepada peserta mempamerkan kemahiran dan bakat kesukanan dalam bola sepak, sekali gus diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Ia juga memberi peluang kepada pemain muda, persatuan atau kelab bola sepak menonjolkan bakat untuk digilap dan melahirkan pemain pelapis untuk mewakili negara ke pertandingan peringkat antarabangsa," katanya.

Bertempat di Padang B, Dataran Kemerdekaan, majlis perasmianya disempurnakan Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad.

MBSA menawarkan wang tu-

nai keseluruhan RM3,900 dan cenderung bagi setiap pemenang kategori bawah 12 tahun dan bawah 9 tahun.

Bagi kategori bawah 12 tahun, johan menerima RM1,000 dan piala iringan, sementara kategori bawah 9 tahun, johan membawa pulang RM800 berserta piala iringan.

Naib johan bagi kategori bawah 12 tahun pula menerima RM800 dan kategori bawah 9 tahun menerima RM600.

Sementara itu, RM400 diberikan kepada pasukan ke separuh akhir kategori bawah 12 tahun, manakala kategori bawah 9 tahun diberi RM300.





Anjur kali pertama

Tour De Selangor berjaya

OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyifatkan penganjuran julung kalinya Tour De Selangor sebagai kejayaan terbesar kejohanan sukan berbasikal di negeri itu.

Beliau berkata, kejayaan itu membuka peluang kepada pentadbiran negeri menjayakan program berskala besar meliputi aspek sukan yang turut disertai pelumba dari dalam dan luar negara.

"Saya ucapkan tahniah kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor khususnya Exco bertanggungjawab, Amirudin Shari yang memimpin usaha penganjuran yang dilihat sangat bermanfaat kepada sukan berbasikal negeri.

"Walaupun ini kali pertama dianjurkan, kita berjaya menjelajah sejauh 558 kilometer ke seluruh daerah, di Selangor kecuali Sa-

bak Bernam.

"Penganjurannya memupuk budaya sihat dalam kalangan belia, sekali gus memperkenalkan Selangor kepada masyarakat luar," katanya.

Mohamed Azmin berkata, penganjuran kejohanan seumpama itu juga boleh mencungkil bakat muda untuk lebih positif terbahit dalam aktiviti bersukan, di negeri ini.

"Kita mengharapkan lebih ramai bakat muda dalam sukan berbasikal ini dapat dilahirkan, pada masa akan datang demi kemajuan sukan negeri dan negara," katanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin hadir pada Majlis Penutupan Kejohanan Berbasikal Tour De Selangor 2017, di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, pada 21 Oktober lalu.



Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menerima cenderahati di akhir kejohanan



Zawawi (tengah) berjaya menamatkan semua peringkat perlumbaan dengan catatan masa 13 jam 05 minit 12 saat

Awie menang rangkul dua jersi

SHAH ALAM - Pelumba Team Sapura Cycling (TSC), Muhammad Zawawi Azman muncul juara keseluruhan perlumbaan basikal Tour De Selangor, pada jarak keseluruhan 558 kilometer.

Lebih manis, pelumba terbaik tempatan, pada siri Jelajah Malaysia 2017 lalu turut menyangkutkan Jersi Merah Raja Bukit dengan kutipan 12 mata dan Jersi Kuning selaku Juara keseluruhan.

Kejayaan Zawawi yang juga mesra dipanggil Awie itu, sekali gus meletakkan pasukan TSC muncul juara kategori berpasukan kejohanan yang berakhir, pada 21 Oktober lalu.

"Ini boleh dianggap sebagai pencapaian yang boleh dibanggakan untuk tahun ini dan saya pastinya akan berlatih dengan lebih bagus selepas ini," katanya kepada SelangorKini.

Untuk rekod, anak kelahiran Parit Buntar, Perak itu sebelum ini pernah beraksi di Sukan SEA, Kuala Lumpur, pada Ogos lalu.

Beliau disenaraikan sebagai barisan pelumba trek berbasikal negara diketuai Azizulhasni Awang.